



**PRAKATA
KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Terlebih dahulu saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah izin-Nya dapat Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyiapkan dan menerbitkan buku mengenai Polisi Pemiakbakaan Ternakan Malaysia julung kalinya.

Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk memaparkan secara umum halatuju dan perjalanan pelaksanaan pemiakbakaan ternakan negara bagi memastikan peningkatan kecekapan dalam pengeluaran ternakan supaya dapat mengurangkan pergantungan kepada pengimportan ternakan serta hasil ternakan, disamping negara dapat mencapai objektif untuk menghasilkan makanan dan keperluan protein yang mencukupi untuk rakyat seterusnya memastikan keselamatan makanan negara.

Secara ringkasnya, buku Polisi Pemiakbakaan Ternakan Malaysia menyentuh tentang amalan semasa populasi ternakan, pembangunan infrastruktur pemiakbakaan, pembangunan polisi pemiakbakaan, cabaran pemiakbakaan ternakan serta isu dan cabaran. Ia juga menerangkan tentang rasionaliti pembangunan polisi pemiakbakaan, dasar serta objektifnya, skop, prinsip-prinsip pemiakbakaan, aplikasi teknologi dan pendekatan strategik untuk pemiakbakaan.

Sektor ternakan Malaysia adalah entiti terpenting yang mempengaruhi status sosio-ekonomi negara dan persekitaran. Ia menyediakan pekerjaan yang menguntungkan, membekalkan keperluan domestik daging, telur, susu dan produk tenusu kepada penduduk. Pembangunan industri ini akan memastikan keselamatan makanan di negara ini dan mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan. Oleh itu, buku Polisi Pemiakbakaan Ternakan Malaysia ini sangat menekankan aspek-aspek penting terutamanya kepada pertumbuhan ekonomi, keselamatan makanan, warisan biologi kebangsaan, pembangunan sosio-ekonomi, kesan ke atas persekitaran dan penyakit-penyakit ternakan. Justeru itu, pelaksanaan Polisi Pemiakbakaan Ternakan Malaysia akan memberi faedah maksimum dalam usaha-usaha Kerajaan mewujudkan pembangunan yang seimbang dan harmoni untuk dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.

Adalah diharapkan dengan adanya polisi ini, semua peringkat warga jabatan dapat memahami dan seterusnya melaksanakan fungsi, program, projek dan aktiviti mengikut strategi dan pelan tindakan yang telah ditentukan bagi memastikan matlamatnya dapat dihasilkan seperti yang dirancang.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam usaha membangunkan Polisi Pemiakbakaan Ternakan Malaysia ini.

Sekian, terima kasih.

YH DATO' DR. KAMARUDIN BIN MD ISA
September 2016

ISI KANDUNGAN

Prakata

1. Visi	1
2. Misi	1
3. Latar Belakang	1
3.1 Pengeluaran Ternakan Berdasarkan Komoditi	1
3.1.1 Lembu Pedaging	1
3.1.2 Lembu Tenusu	4
3.1.3 Kerbau	7
3.1.4 Kambing	8
3.1.5 Bebiri	9
3.1.6 Khinzir	11
3.1.7 Unggas	12
3.1.8 Rusa	14
3.2 Tren Semasa Populasi ternakan	15
3.3 Pembangunan Infrastruktur Pembiakbakaan	16
3.4 Pembangunan Polisi Pembiakbakaan	16
3.5 Cabaran Pembiakbakaan Ternakan	17
4. Amalan Pembiakbakaan Semasa	17
4.1 Lembu Pedaging	17
4.2 Lembu Tenusu	19
4.3 Kerbau	19
4.4 Kambing Pedaging	20
4.5 Kambing Tenusu	20
4.6 Bebiri	20
4.7 Khinzir	21
4.8 Ayam	21
4.9 Itik	22
4.10 Burung Puyuh	22
4.11 Rusa	22
5. Isu dan Cabaran	23
6. Rasional	24
6.1 Pertumbuhan Ekonomi	25
6.2 Keselamatan Makanan	25
6.3 Warisan Biologi Kebangsaan	25
6.4 Pembangunan Sosio-ekonomi	26

6.5	Kesan Persekitaran	27
6.6	Penyakit Haiwan	27
7.	Polisi	27
8.	Objektif Polisi	28
9.	Skop	28
10.	Prinsip-Prinsip Pembiakbakaan	28
11.	Aplikasi Teknologi	29
12.	Pendekatan Strategik Untuk Pembiakbakaan	30
12.1	Lembu Pedaging	30
12.2	Lembu Tenusu	31
12.3	Kerbau	32
12.4	Kambing Pedaging	32
12.5	Kambing Tenusu	33
12.6	Bebiri	33
12.7	Rusa	34
12.8	Khinzir	34
12.9	Ayam	34
12.10	Itik	35
12.11	Burung Puyuh	35
13.	Kesimpulan	35
14.	Penghargaan	
	Definisi	36
	Singkatan	36
	Bibliografi	37

POLISI PEMBIAKBAKAAN TERNAKAN MALAYSIA

1. VISI

Menjadi negara peneraju dalam pembiakbakaan ternakan tropika.

2. MISI

Membolehkan pembiakbakaan ternakan yang berkualiti melalui penggunaan prinsip dan amalan genetik yang baik yang memenuhi keperluan ekonomi dan industri ternakan yang mampan serta memenuhi keperluan pasaran.

3. LATARBELAKANG

Ternakan domestik mungkin diperkenalkan buat pertama kalinya di Semenanjung Tanah Melayu oleh pendatang awal, dalam pengembaraan mereka dari China Selatan ke kepulauan Melayu. Besar kemungkinan orang Melayu awal ini pada mulanya hanya membawa ayam itik, khinzir, kambing dan bebiri, dan kemudiannya kerbau serta lembu (Mustaffa-Babjee, 1994). Persamaan antara ternakan asli (indigenous) dan ternakan yang masih wujud di China Selatan dan Indo-China menguatkan lagi teori ini. Contohnya, lembu Kedah-Kelantan dari Malaysia sangat mirip dengan lembu Kuning dari China Selatan (Epstein, 1969). Banyak puisi dan dongeng Melayu mengandungi cerita mengenai ternakan dan cerita ini telah di turunkan dari satu generasi ke satu generasi. Rekod bertulis terawal yang membuktikan kewujudan kerbau dan lembu di Semenanjung Malaysia telah di jumpai dalam "Kanun Melaka" Sultan Mahmud Shah abad kelima belas. Di dalam menggambarkan negara Man-la-chia (Melaka), penterjemah dari China, Ma Huan (1433) telah menceritakan tentang kewujudan beberapa spesies haiwan ternakan, termasuklah, lembu jantan, kambing, ayam dan itik. Malaysia kini mempunyai pelbagai spesies ternakan dan baka. Ini termasuklah baka asli, baka yang diadaptasi dan baka yang diimport secara berterusan. Pengeluaran ternakan berdasarkan komoditi ini dihuraikan di bawah.

3.1 Pengeluaran Ternakan Berdasarkan Komoditi

3.1.1 Lembu Pedaging

Kebanyakan baka lembu asli Kedah-Kelantan, boleh didapati di negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia. Lembu ini biasanya digunakan untuk pengeluaran daging dan dianggap sebagai baka pilihan untuk penternakan sara diri dan diintegrasikan dengan

ladang kelapa sawit. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mempunyai 1,000 ekor baka tulen lembu Kedah-Kelantan di ladang nukleus dan konservasi Tanah Merah.

Sejak tahun 1970-an, DVS telah mengimport beberapa baka eksotik untuk digunakan sebagai baka tulen dan pembiakbakaan kacukan. Antara kemasukan baka-baka terawal termasuklah baka Angus, Hereford, Santa Gertrudis, Shorthorn, Simbrah dan Droughtmaster. Baka-baka ini tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam keadaan lepas bebas (sistem pengeluaran ekstensif) dan tidak mampan.

Beberapa baka lembu benua Eropah yang besar, termasuklah Charolais, Limousin dan Chianina diperoleh dalam bentuk semen beku. Baka Charolais dan Limousin kekal menjadi baka pilihan untuk pembiakbakaan kacukan di Kelantan dan Terengganu, di mana sistem pengeluaran dan iklim mikro di kawasan ini lebih sesuai untuk baka-baka tersebut.

Brahman telah diimport sejak tahun 1970-an sebagai ternakan baka dalam projek integrasi ladang lembu kelapa sawit. Brahman kacukan dari Australia telah digunakan sebagai lembu penggemuk untuk industri fidlot. Dari tahun 2005 hingga 2010, sejumlah 25,843 ekor lembu Brahman telah diimport dari Australia ke Malaysia sebagai ternakan baka dan telah diagih-agihkan ke projek KTS (Kawasan Tumpuan Sasaran) di seluruh negara. Kebanyakan ternakan ini disimpan di ladang-ladang kelapa sawit. Pada tahun 2008, Sabah telah memulakan projek Rancangan Pembiakbakaan Brahman dengan kerjasama Persatuan Pembiakbakaan Brahman Australia. Di bawah Rancangan Pembiakbakaan Brahman, 5 jantan pembaka dan 18 lembu betina muda pedigri telah diimport, bersama-sama dengan 160 ekor lembu Brahman komersial sedia ada untuk membentuk unit pembiakan nukleus. Pada tahun 2009, 120 ekor ternakan pedigri Brahman telah diimport dari Australia dan disimpan di Pusat Pembiakan Ternakan Ulu Lepar, Pahang.

Lembu Bali wujud dalam gerompok kecil di beberapa tempat di Malaysia. Dalam tahun 1981, satu gerompok kecil lembu Bali dari Institut Pertanian Johor telah dipindahkan ke Institut Ternakan Kluang (kini dikenali sebagai Institut Veterinar Malaysia). Pada tahun 2003, Felda Farm Products telah mengimport 987 ekor baka lembu Bali dari Lombok, Indonesia dan kini terdapat kira-kira 2,000 ekor lembu ini di ladang Felda. Ternakan-ternakan ini sangat lasak, cepat matang dan berkembang biak dengan jayanya. Lembu Bali telah diperkenalkan di Sabah dalam tahun 1956. Dalam tahun 1960-an, projek pembiakbakaan lembu Bali telah ditubuhkan di Tawau. Tujuan projek pembiakbakaan ini adalah untuk penggandaan dan konservasi baka. Pada tahun 1989, program pembiakbakaan lembu Bali dan Brahman kacukan telah diperkenalkan dan sehingga kini, keturunan daripada program kacukan tersebut kebanyakannya telah dipelihara secara integrasi di ladang-ladang kelapa sawit.

Pada pertengahan tahun 1970-an, lembu Droughtmaster dari Australia telah diimport oleh Pahang Beef dan kemudiannya oleh MAJUTERNAK di Pusat Ternakan Haiwan Jelai Gemas. Droughtmaster ialah baka komposit yang terdiri daripada 5/8 Shorthorn dan 3/8 warisan Brahman. Pengalaman awal ternakan ini di bawah pekebun kecil adalah tidak memberangsangkan. Walau bagaimanapun, haiwan ini di dapati lebih sesuai dipelihara dalam kandang dengan purata kenaikan berat harian melebihi 0.78 kg.

Pada awal tahun 1990-an, lembu Nelore telah diimport dari Brazil oleh DVS, dan disimpan di Pusat Ternakan Haiwan Ulu Lepar, Pahang dan kini terdapat kira-kira 400 ekor. Nelore ialah baka yang sesuai untuk pengeluaran daging di kawasan tropika kerana kelasakannya, ketahanan kepada panas, menunjukkan kadar pertumbuhan yang tinggi dan kualiti daging yang agak baik. Baka ini sesuai untuk pemeliharaan secara sistem ekstensif tetapi tidak digemari oleh penternak tempatan kerana sifat ternakan yang liar.

Sehingga tahun 2007, 3,000 ekor Yellow Cattle telah diimport dari China dan disimpan di Jelai Gemas, Negeri Sembilan dan Muadzam, Pahang. Dari ladang Jelai Gemas sejumlah 980 ekor telah dipilih dan dipindahkan ke Pusat Ternakan Haiwan Tersat, Terengganu untuk dibentuk sebagai kelompok pembiakbakaan nukleus. Lembu ini dapat menyesuaikan diri dengan baik dengan keadaan cuaca tempatan. Sejak tahun 2005 hingga 2010, sejumlah 10,550 ekor lembu baka kacukan Zebu telah diimport dari Thailand dan Myanmar dan diedarkan kepada penternak di bawah Program Transformasi Penternak (Skim TRUST).

Bermula tahun 1990-an, MARDI telah membangunkan dua baka komposit, iaitu Brakmas dan Charoke. Brakmas diperoleh dengan mengacuk lembu Kedah-Kelantan dengan Brahman dan Charoke melalui kacukan antara Charolais dengan Kedah-Kelantan. Brakmas didapati sesuai untuk projek integrasi sementara Charoke disarankan untuk pengeluaran secara intensif.

Kepentingan lembu tenusu seperti Sahiwal-Friesian sebagai pembekal daging sekunder kepada industri daging tidak dapat diabaikan. Lembu Mafriwal (diperoleh dari kacukan Sahiwal-Friesian) telah dihasilkan sebagai baka dwiguna, iaitu untuk pengeluaran susu dan daging. Mafriwal telah memberikan sumbangan yang penting kepada pengeluaran daging tempatan negara.


Prestasi baka-baka utama lembu pedaging di Malaysia mengikut sistem pengurusan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1. Prestasi Baka Utama Lembu Pedaging

Baka	Sistem Pengeluaran	Parameter			
		Berat masa lahir (kg)	ADG* (kg/ sehari)	Berat 2 tahun (kg)	Selang beranak (hari)
Kedah-Kelantan	Ekstensif	16	0.18	188	367
KK crosses	Integrasi	21	0.27	220	401
Brahman	Integrasi	27	0.34	300	537
Brahman crosses	Kandang	22	0.79	218	559
Nelore	Ekstensif	25	0.29	245	542
Droughtmaster	Ekstensif	35	0.29	320	460
Brakmas	Ekstensif	23	0.31	316	780
Charoke	Intensif	24	0.82	325	---

Sahiwal-Friesian	Intensif	23	0.65	272	424
Bali Cattle	Intensif	jantan: 15 Betina: 14	Jantan: 0.29 Betina: 0.26	Pada umur 36 bln: Jantan: 320 Betina: 260	439

Untuk menangani isu kelemahan strata pembiakbakaan dalam industri lembu, Negeri Pahang di bawah Skim Akreditasi Makmurbif telah memulakan program pembiakbakaan bagi mewujudkan struktur dalam industri daging lembu Pahang. Strata 3-tingkat telah dibentuk iaitu nukleus, pembiakbakaan pedigree (pengganda) dan komersial. Ini ditunjukkan dalam Gambarajah 1.



Gambarajah 1. Struktur Pembiakbakaan di bawah Skim Akreditasi Makmurbif.

Ladang Nukleus terdiri daripada Pusat Pembiakbakaan Nukleus Brahman di Tebing Tinggi, Pusat Pembiakan Nukleus Kedah-Kelantan di Bukit Katjang dan Pusat Pembiakbakaan Nukleus Nelore di Ulu Lepar. Di sekeliling setiap pusat pembiakbakaan nukleus, penternak-penternak dilatih untuk menjadi penternak pengganda pedigree. Di sekitar Tebing Tinggi misalnya, penternak menggunakan baka-baka Brahman untuk aktiviti pembiakan lembu. Penternak pengganda mendapat stok bekalan pembiak dari pusat pembiakbakaan nukleus yang berhampiran dengan ladang mereka dan tugas utama mereka ialah membekalkan baka pejantan kepada peringkat komersial. Peringkat komersial mengamalkan bentuk pembiakan kacukan secara bergilir menggunakan baka jantan Kedah-Kelantan, Brahman dan Nelore. Projek ini, walaupun telah dirancang dengan baik tetapi telah ditamatkan kerana kekangan sumber manusia dan kewangan.

3.1.2 Lembu Tenuku

Kemasukan pendatang India telah mengimport beberapa baka campuran lembu India yang kurang terkenal (diberi nama "Local Indian Dairy"- LID) sejak awal abad kedua puluh bagi memperkenalkan lembu tenuku sebagai aktiviti pertanian. Kemasukan baka tenuku tulen dari kawasan iklim sederhana telah dilaksanakan oleh ahli pertanian dari Eropah. Antara baka terawal yang telah diperkenalkan ialah English Shorthorn dari Australia, yang telah dikacuk dengan LID di Ladang Tenuku Kerajaan di Taiping, Perak (Utama, 1908). Pada tahun 1926, Jabatan Pertanian menubuhkan kemudahan pembiakbakaan tenuku di Ladang Kerajaan Serdang. Ladang tersebut ditempatkan dengan stok baka tulen lembu

Montgomery (baka Sahiwal) dari India, di mana peningkatan dan pemilihan berterusan dijalankan untuk menghasilkan lembu tenusu gred tinggi (Bunting dan Marsh, 1934). Lembu Montgomery ini juga dikacuk dengan baka Holsteins, Ayshires dan Jerseys. Pada tahun 1931, Jabatan Pertanian membuka sebuah lagi ladang tenusu di Jeriau, Bukit Fraser untuk membekalkan susu segar kepada komuniti Eropah di situ.

Bagi meningkatkan pengeluaran lembu tenusu tempatan di ladang Institut Haiwan di Kluang, Johor, pada tahun 1950-an, lembu jantan Sindhi dan Sahiwal dikacuk dengan LID. Program pembiakbakaan kacukan ini telah memperbaiki prestasi lembu tenusu dengan peningkatan pengeluaran susu setiap ekor lembu bagi setiap laktasi dari 800 liter ke 1,200 liter. Pada awal tahun 1970-an, cubaan pembiakbakaan yang lebih sistematik bagi haiwan Zebu tempatan dengan baka tenusu dari Eropah, telah menghasilkan kacukan yang menunjukkan *hybrid vigor* dengan pengeluaran susu dalam lingkungan 1,500-2,000 liter bagi setiap laktasi. Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengambil kesempatan atas kejayaan pembiakbakaan lembu tenusu ini dengan mengagihkan lembu pejantan kacukan berkualiti tinggi serta menyediakan perkhidmatan permanian beradas.

Program Pembangunan Tenusu Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah dimulakan pada tahun 1974. Di bawah program ini, Pusat Pengumpulan Susu diwujudkan di beberapa lokasi strategik di Semenanjung Malaysia, bagi memberikan khidmat kepada ladang tenusu tempatan. Melalui kontrak pembiakbakaan dengan Australia dan New Zealand, lembu tenusu Sahiwal x Friesian telah diimport oleh Kerajaan dan dijual kepada penternak dengan harga subsidi. Dalam tempoh 1975-1991, kerajaan telah mengimport 14,708 ekor lembu betina muda kacukan.

Bagi tempoh 1983-1984, MAJUTERNAK telah mengimport 500 ekor lembu AMZ (Australian Milking Zebu) dari Australia. Lembu AMZ adalah berketurunan Jersey (50-65%) dan Sahiwal-Sindhi (35-50%). Lembu AMZ ini dan keturunannya telah digunakan untuk program ujian progeni dengan CSIRO di Australia dan disimpan di ladang kerajaan sehingga 1991-1992, tetapi program ini telah ditamatkan kerana prestasi tenusunya yang tidak memberangsangkan. Pada tahun 1992 juga, 200 ekor lembu tenusu Girlando (Gir x Friesian) telah diimport dari Brazil. Walau bagaimanapun, program ini telah ditamatkan selepas beberapa tahun kerana prestasi pengeluaran susu yang tidak memberangsangkan di bawah sistem perahan menggunakan mesin.

Seiring dengan pengimportan baka kacukan Sahiwal x Friesian, DVS telah memulakan program pembiakbakaan untuk membangunkan baka Sahiwal-Friesian Malaysia, dikenali sebagai MAFRIWAL. Baka asas bagi MAFRIWAL ialah baka Holstein-Friesian, baka Kenyan Sahiwal, baka Brazilian Gir dan baka Sahiwal-Friesian. Baka asas ini dipilih dengan teliti bagi menentukan bahawa ia adalah daripada sumber genetik yang terbaik. MAFRIWAL mempunyai keturunan Holstein-Friesian (60-75 peratus) dan Zebu (25-40 peratus) dan telah dibangunkan bagi pengeluaran susu dan daging. Pembangunan MAFRIWAL adalah projek DVS yang berterusan. Walau bagaimanapun, bilangan haiwan MAFRIWAL yang dimiliki oleh kerajaan telah menurun dengan mendadak dari 6,000 ekor ke 800 ekor disebabkan pengecilan kawasan atau penutupan ladang pembiakbakaan tenusu DVS.

Keadaan ini memberi kesan kepada program pembiakbakaan di mana pemilihan induk superior telah menurun dan projek tidak dapat membekalkan ternakan yang mencukupi kepada industri tenusu. Walau bagaimanapun, semen beku lembu jantan tenusu MAFRIWAL yang terbaik masih boleh diperoleh untuk industri tenusu.

Pada tahun 2007, kira-kira 400 ekor lembu Jersey telah diimport dari Australia dan diletakkan di Pusat Ternakan Haiwan Air Hitam. Sekumpulan kecil lembu betina muda tenusu Jersey-Friesian telah diimport dari Australia dalam tahun 2009 dan diikuti dengan pengimportan 300 ekor lagi dalam tahun 2010. Pada tahun 2012, 1,000 ekor kacukan Friesian telah dibawa dari Thailand di bawah Entry Point Project 13 (EPP13) dengan objektif untuk meningkatkan populasi lembu tenusu di Malaysia, dan sekaligus meningkatkan pengeluaran susu tempatan.

Di Sabah, projek pembangunan industri tenusu dimulakan pada awal tahun 1970-an dengan program pembiakbakaan antara lembu Zebu tempatan dengan Friesian yang diimport menggunakan teknik permainan beradas. Pada tahun 1976, pembiakbakaan gerompok tenusu telah dibangunkan di Stesen Pembiakbakaan Haiwan Sebrang, Keningau dan Stesen Pembiakbakaan Haiwan Tawau. Pada tahun 1980, di peringkat awalnya, lembu dara Sahiwal-Friesian telah diimport dari New Zealand. Pada masa yang sama, Koperasi Pembangunan Desa (KPD) telah meneroka ladang tenusu tanah tinggi di Plateau Mesilau, Ranau menggunakan baka Friesian tulen. Kini, projek ini di uruskan oleh Desa Cattle dengan 500 ekor lembu tenusu.

Status industri tenusu di Semenanjung Malaysia dan Sabah sejak 1990 diberikan dalam Jadual 2 dan 3.

Jadual 2. Status Industri Tenusu di Semenanjung Malaysia (1990-2010)

Parameter	Tahun				
	1990	1995	2000	2005	2010
Jumlah Lembu Tenusu	T/M	T/M	37,854	25,843	34,386
Bil. Lembu Perah	T/M	T/M	14,635	9,617	12,646
Pengeluaran Susu (mil. liter)	26.20	31.87	24.42	34.06	67.00
Penghasilan susu / lembu/ laktasi (liter)	T/M	T/M	1,669	2,631	2,658
Tempoh Laktasi (hari)	T/M	T/M	T/M	300	270
Selang Beranak (hari)	T/M	T/M	T/M	487	475

(T/M = Tiada Maklumat)

Jadual 3. Status Industri Tenusu di Sabah (1990 – 2010)

Parameter	Tahun				
	1990	1995	2000	2005	2010
Jumlah Lembu Tenusu	1,870	3,140	2,360	3,632	7,180
Bil. Lembu Perah	1,140	1,740	1,830	2,725	4,204
Pengeluaran Susu (mil. liter)	2.0	4.89	4.99	7.48	10.4
Penghasilan susu / lembu/ laktasi (liter)	1,758	1,905	2,009	2,325	2,470
Tempoh Laktasi (hari)	272	279	275	282	267
Selang Beranak (hari)	386	389	402	381	398

3.1.3 Kerbau

Baka kerbau asli di Malaysia ialah Kerbau Paya atau Kerbau Sawah. Pada abad ke-15 dan 16, kerbau paya merupakan haiwan kampung yang paling penting, dan telah digunakan untuk mengerjakan sawah padi, pengangkutan dan sumber daging. Orang Melayu kadangkala mengambil susu daripada kerbau sawah mereka untuk penghasilan dadih; hasil tenusu yang menyerupai yoghurt. Pemodenan dan penggunaan mesin telah menyebabkan kerbau tidak lagi penting pada hari ini. Kerbau hanya dipelihara untuk pengeluaran daging di bawah sistem pengeluaran ekstensif. Beberapa ladang kelapa sawit menggunakan Kerbau Paya sebagai haiwan penarik untuk menarik kereta yang membawa tandan kelapa sawit.

Kerbau sungai telah diimport dari subkontinen India pada tahun 1920 dan kebanyakannya boleh didapati di Selangor, Perak dan Kedah dan dipelihara untuk pengeluaran susu. Bahan genetik baru Kerbau sungai diperkenalkan oleh DVS dengan mengimport 150 kerbau Murrah dari India dalam 2010 dan 170 kerbau Nilli Ravi dari Pakistan dalam tahun 2011.

Kerbau sungai bukan kerbau asli Negeri Sabah. Pedagang awal Cina membawa kerbau sungai ke Sabah sebelum perang dunia kedua. Dalam tahun 1976, sebuah Pusat Penyelidikan dan Penggandaan Kerbau telah ditubuhkan di Sook dan pusat tersebut telah dipindahkan ke tapak sekarang iaitu di Telupid dalam tahun 1979. Dalam tahun 1995, program pembiakbakaan kacukan di antara kerbau paya di pusat dengan kerbau sungai melalui pernian beradas telah dimulakan. Semen beku telah disumbangkan oleh Universiti Pertanian Malaysia. Pada tahun 2005, Kerajaan Kawasan Utara Australia menyumbangkan 5 ekor kerbau jantan sungai kacukan sebagai sebahagian daripada program pembiakbakaan "TenderBuff" di Sabah.

Baka-baka kerbau yang terdapat di Sarawak ialah jenis paya (*Bubalis carabensis*). Sekitar tahun 1960an kerbau ini digunakan di sawah padi bagi penyediaan penanaman padi di bawah bantuan Skim Penanam Padi. Kerbau diimport secara aktif pada tahun 1965 ke 1968 dimana 1,100 ekor kerbau diimport setiap tahun. Kerbau banyak digunakan dalam upacara keagamaan, keramaian dan pesta bagi komuniti Bisaya, Kedayan, Melayu

dan Lun Bawang di Bahagian Limbang, seperti Pesta Lumba Kerbau Air Babulang dan pertandingan Ratu Babulang (*Buffalo Beauty Contest*). Pada tahun 1994, Jabatan Pertanian telah membawa masuk 60 ekor kerbau Murrah (*Bubalis bubalis*) dan diletakkan di Stesen Kerbau Batu Danaudi Limbang.

3.1.4 Kambing

Kambing tulen yang asli di pelihara ialah baka Katjang (atau Kacang). Baka ini bersaiz kecil, jenis pedaging, lasak, mudah membiak dan beranak boleh didapati di kalangan penternak tradisional. Oleh sebab saiznya yang kecil, Katjang telah dikacuk dengan baka eksotik yang lebih besar. Pembiakbakaan tersebut sangat berjaya sehingga menyebabkan baka Katjang diancam kepupusan. Beberapa baka kambing telah diimport ke Semenanjung Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu untuk dibiak baka tulen atau kacukan. Baka kambing pedaging yang diimport termasuklah Kambing Feral Australia dan Boer. Sepanjang tahun 2005 hingga 2010, sejumlah 64,658 ekor kambing Boer gred komersial telah dibawa masuk untuk program pembiakbakaan. Pengeluaran kambing daging komersial di Sabah bermula pada tahun 1960 melalui peningkatan dan pembiakbakaan kambing tempatan dengan kambing jantan Anglo-Nubian yang diimport. Pada tahun 1978, Kambing Feral Australia telah diperkenalkan di Sabah sebagai kambing untuk pembiakbakaan. Kambing Boer dan Kalahari Merah juga mula diperkenalkan. Pusat Pembiakbakaan Boer di Papar dan Pusat Pembiakbakaan Kalahari Merah di Kunak ditubuhkan sebagai sebahagian daripada induk pembiakbakaan Sabah.

Baka kambing tenusu yang diimport termasuklah Saanen, Alpine, Toggenberg dan terbaru kambing Shami (Damascus). Anglo-Nubian dan Jamnapari adalah di antara baka dwiguna yang telah diimport. Sejumlah 2,200 ekor kambing Jamnapari telah diimport oleh DVS ke negara ini pada tahun 2010. Di Sarawak, sejumlah 115 kambing tenusu telah diimport oleh Jabatan Pertanian dalam tahun 2009, di antaranya Saanen, Anglo Nubian, British Alpine, Toggenberg dan baka Australian Brown bagi memenuhi permintaan pengeluar kambing tenusu tempatan.

Dalam tahun 1980-an, Universiti Malaya telah meneroka program pembiakbakaan untuk membangunkan baka kambing sintetik dikenali sebagai Jermasia, menggunakan anak German Fawn dan Katjang sebagai baka asas. Baka ini sangat popular, tetapi stok pembiak adalah terhad. Baka ini telah dibangunkan untuk pengeluaran susu dan daging. Bilangan ternakan dalam gerompok asas di Universiti Malaya adalah terhad (200-250 ekor). DVS membantu Universiti Malaya untuk membiak baka Jermasia di Pusat Ternakan Haiwan Kampung Kuala Pah, yang kemudiannya dipindahkan ke Pusat Ternakan Haiwan Jeram Pasu, Pasir Putih, Kelantan.

Baru-baru ini terdapat usaha ke arah memanfaatkan kualiti terbaik baka Boer, yang telah melalui kira-kira 100 tahun pemilihan genetik secara sistematik di Afrika Selatan. DVS menubuhkan sebuah Pusat Pembiakan Boer Kebangsaan (PPBK) di Pondok Tanjung, Perak untuk memanfaatkan ciri-ciri baka Boer. PPBK bertindak sebagai pemangkin bagi

transformasi industri kambing di Malaysia. Pusat ini akan dijadikan ladang nukleus, ladang pengganda, pusat khidmat dan pusat jualan. Pengeluaran baka Boer akan dibuat secara tersusun di ladang nukleus dan pangganda. Teknologi pembiakbakaan akan digunakan. Kambing dan produk kambing yang terhasil di ladang satelit akan mempunyai kualiti yang konsisten. Ladang ini akan mempunyai sistem pengeluaran yang bersepadu, diurus dengan baik dari pengeluaran ladang hingga dipasarkan. Di bawah PPBK, latihan dan inkubator akan ditubuhkan untuk pengusaha kambing komersial. Pusat Data Kambing telah dirancang bagi menyediakan khidmat penambahbaikan genetik kepada pembiak kambing dan penternak. Sebagai usaha tambahan, 1,300 ekor kambing Boer juga sedang dipelihara di Telaga Papan, Terengganu di bawah Inisiatif Kawasan Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Perbandingan prestasi baka kambing Boer, Jermasia dan Kambing Katjang diberikan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Perbandingan Prestasi Baka Kambing Boer, Jermasia dan Katjang

PARAMETER	BAKA		
	BOER	JERMASIA	KATJANG
Berat Dewasa (kg): Jantan Betina	80 60	35 25	25 20
Ketinggian Dewasa (cm): Jantan Betina	75 65	72 63	63 56
Umur pada pembiakan pertama (bulan)	13	12	10
Saiz Seperinduk	1.7	1.4	1.8
Purata Kenaikan Harian (g)	150	135	55
Berat karkas (kg)	35	T/B	12
Peratus Karkas Bersih	45	T/B	50

Sumber: DVS Malaysia

3.1.5 Bebiri

Umumnya kebanyakan bebiri dipelihara di Kedah, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan. Bebiri dipelihara untuk pengeluaran dagingnya. Baka bebiri asli adalah bersaiz kecil, bulu jenis wul dikenali sebagai Malin (Tulen Malaysia). Bebiri Malin sedang dipelihara di Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK). Kebanyakan baka eksotik telah diimport untuk pembiakbakaan, ini termasuklah Dorset Horn, Wiltshire Horn, Polled Dorset, Suffolk, Romney dan Dorper. Pada tahun 1926, sebuah ladang bebiri dibangunkan di Panor, tetapi dalam tahun 1930 disebabkan kadar kematian yang tinggi, ternakan telah dipindahkan ke Padang Jeram, Kuantan, Pahang. Di Sabah, bebiri Sulu telah diimport dari Filipina pada tahun 1932. Pada tahun 1987, DVS telah mengimport bebiri Merino-Border

Leicester komersial kacukan dari Australia untuk menggalakkan penternakan di Malaysia. Estet Guthrie pada masa yang sama telah meneroka program untuk menghasilkan baka sintetik bebiri untuk pengeluaran komersial, iaitu Dorsimal (Dorset Horn dan and Malin sintetik) dan Sufrimal (Suffolk dan Malin sintetik). Baka sintetik ini tidak popular pada masa itu dan akibatnya projek tersebut telah ditamatkan.

Pada tahun 1990, bebiri Siamese Long Tailed (SLT), baka jenis bulu wul, diimport dari Thailand, kerana kelasakannya. Pada tahun 1993, kerajaan mengimport beberapa baka bebiri rerambut untuk tujuan percubaan, termasuklah Barbados Blackbelly (dari pulau Barbados), Santa Inês (dari Brazil), Morada Nova (dari Brazil) dan St. Croix (dari Caribbean). Baka bulu rerambut didapati lebih lasak daripada baka bulu wul dan lebih mudah diurus kerana tidak perlu dicukur. DVS mengekalkan gerompok induk Barbados Blackbelly di Pusat Ternakan Haiwan Chalok di Terengganu. Prestasi bebiri Barbados Blackbelly di Pusat Pembiakanbakaan Haiwan Chalok diberikan dalam Jadual 5.

Jadual 5. Berat dan Ukuran Konformasi Tubuh Bebiri Barbados Blackbelly *

Parameter	Jantan	Betina
Berat Lahir (kg)	2.30 ± 0.28	2.30 ± 0.34
Berat Dewasa (kg)	43.0 ± 5.8	32.0 ± 5.8
Purata Hasil Harian (g/h)	34.3 ± 14.0	21.0 ± 10.8
Tinggi (cm)	71.2 ± 0.3	65.0 ± 4.2
Panjang badan (cm)	97.5 ± 4.6	90.0 ± 7.8

* Data diberikan ialah mean ± ralat piawai

Di antara tahun 2006 dan 2010, sejumlah 7,489 ekor bebiri Damara telah dibawa masuk oleh DVS dan diagihkan kepada penternak di seluruh negara di bawah Skim TRUST.

Pada lewat tahun 1980-an, pekebun-pekebun kecil di Sarawak telah diperkenalkan kepada pemeliharaan bebiri sebagai sebahagian daripada Program Pembangunan Bebiri, Jabatan Pertanian melalui pelaksanaan "halaman" atau pembangunan tanah ragut dan pengedaran baka bebiri melalui skim pinjaman di bawah program Kawanan Ladang Bebiri (*Sheep Farm Flock*) apabila 50 bebiri betina dan 5 bebiri jantan bagi setiap ladang unit kawanan dilaksanakan, dengan penternak membayar balik keseluruhan pinjaman tersebut dalam tempoh enam tahun. Sepanjang tahun 1994 hingga 1998, sejumlah 12,322 ekor bebiri kacukan Malin telah dibawa dari Semenanjung Malaysia untuk program ini.

Baru-baru ini, Majlis Perbandaran Pembangunan Ekonomi Kawasan Pantai Timur (ECERDC) telah melaksanakan program pengeluaran bebiri secara besar-besaran di kawasan agropolitan di negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang di bawah program pembasmian kemiskinan. Pada tahun 2009, Projek Bebiri Agropolitan Pekan telah dilancarkan di Pahang dengan pengeluaran kumpulan pertama bebiri Dorper, sebanyak 3,000 ekor di Runchang diikuti dengan 4,800 ekor pada tahun 2011 di Batu 8, Mukim Lepar.

3.1.6 Khinzir

Di Malaysia, penternakan khinzir dikait rapat dengan penempatan kaum Cina. Pada masa dahulu, adalah menjadi kebiasaan untuk pekebun sayur Cina menternak beberapa ekor khinzir Cina tempatan yang juga dikenali sebagai Khinzir China Selatan. Terdapat dua jenis Khinzir Selatan China, iaitu China Selatan (Hainan) yang menyerupai jenis *baconer* dan China Selatan Hitam (Canton) yang menyerupai jenis khinzir pedaging. Khinzir ini dahulunya ialah pemakan bangkai dan sisa, dengan kadar tumbesaran yang perlahan dan karkas lemak khinzir yang lembut. Walau bagaimanapun, khinzir ini sangat lasak, tahan kepada penyakit dan parasit, sangat produktif, mempunyai saiz seperinduk yang superior pada masa lahir dan semasa menyusu, dan menunjukkan ciri keibuan yang baik. Langkah-langkah untuk menambah baik kualiti khinzir dimulakan pada tahun 1926 melalui pembiakbakaan kacukan dengan khinzir tempatan yang mempunyai baka eksotik seperti Middle White, Large Black dan Poland China. Khinzir ladang komersial telah ditubuhkan dalam tahun 1950-an. Sejak itu, banyak baka khinzir telah diimport dan diuji oleh pembiak khinzir, termasuklah Large White (Yorkshire), Landrace, Duroc, Spot, Hampshire, Tamworth, Chester White, Pietrain dan Berkshire. Pada masa yang sama, penemuan faedah heterosis melalui pembiakbakaan kacukan pelbagai baka telah disedari dan dieksploitasikan oleh penternak khinzir. Kini, baka-baka utama yang digunakan adalah Large White Yorkshire (LWY), Landrace dan Duroc. Prestasi ketiga-tiga baka khinzir ini di Malaysia diberikan dalam Jadual 6.

Jadual 6. Prestasi Baka Khinzir Utama dan Kacukannya

Parameter	Baka atau Baka Kacuk*					
	D	L	LWY	D x L	D x LWY	D x (L x LWY)
Berat Lahir (g)	1,800	1,650	1,700	1,600	1,600	1,500
Saiz Seperinduk (masa lahir)	9.5	10	10	9.5	9.5	9.0
Saiz Seperinduk (cerai susu)	8.5	9	9	8.5	8.7	8.25
Umur masa beranak yang pertama (hari)	365	365	365	365	365	365
Selang beranak (hari)	165	160	160	165	165	162
ADG selepas cerai susu (g/d)	850	800	830	800	800	760
FCR (unit)	2.9	3.0	3.1	3.0	3.0	3.2
Umur Sembelih (bulan)	5.5	6.0	6.1	6.0	6.0	6.5
Berat Sembelih (kg)	100	102	107	102	102	110
Berat Karkas (kg)	75	76.5	80.3	76.5	76.5	83
Karkas bersih %	75	75	75	75	75	75
Karkas tanpa lemak (%)	60	57	57	56	56	55
Ketebalan Lemak (cm)	1.2	1.5	1.5	1.6	1.6	1.8
Kawasan mata loin (sq. cm)	40	38	36	35	35	32

* LWY = Large White Yorkshire; L = Landrace; D = Duroc; ADG lepas menyapih ialah dari 30 kg ke berat sembelihan; FCR ialah FCR untuk pengeluaran khinzir pedaging (bukan keseluruhan ladang); Kawasan mata Loin digunakan

Sebelum tahun 1960-an, terdapat dua baka khinzir di Sabah: "Chinese-sway-back" yang dibawa dari China pada awal abad ke-19, dan khinzir kampung asli yang telah wujud sejak zaman dahulu kala. Baka eksotik yang pertama diimport ke Sabah pada tahun 1960 ialah Berkshire dari United Kingdom. Pada tahun 1967, Large White, Landrace dan Duroc diperkenalkan di Sabah. Unit Khinzir Kiansam telah ditubuhkan pada tahun 1976 sebagai unit pembiakbakaan bagi pemilihan stok genetik yang baik.

Di Sarawak, penternakan khinzir masih dijalankan secara lepas bebas di kawasan halaman belakang terutamanya untuk kegunaan isi rumah. Penternakan khinzir diberikan galakan dalam tahun 1960-an oleh Jabatan dan baka yang lebih baik seperti Tamworth dan Berkshire telah diimport dari Australia pada tahun 1963 di bawah Projek Bantuan Rancangan Colombo untuk menyuntik bahan genetik baru. Pada tahun 70an, baka-baka seperti Duroc, Large White dan Landrace juga telah dibawa masuk dan baka-baka ini telah memberi sumbangan ketara kepada pengeluaran khinzir pedaging. Sebelum tahun 2005, sistem pengeluaran khinzir tempatan dikenali sebagai sistem pengeluaran "setempat" apabila semua peringkat penternakan dari pengawanan, kebuntingan, beranak, berceraai susu dan pengeluaran khinzir pedaging dilakukan di satu kawasan dan pengeluaran adalah berterusan. Sistem pengeluaran seperti ini didapati tidak baik kerana kawalan penyakit yang lemah, kadar produktiviti rendah dan terlalu bergantung kepada penggunaan antibiotik. Penstrukturan semula industri khinzir telah dibuat dan memberi berfaedah di dalam transformasi dan pemodenan industri khinzir di Sarawak selain dapat mengawal pencemaran najis khinzir. Lembaga Perancangan Negeri meluluskan rancangan induk untuk Kawasan Penternakan Khinzir berpusat (Pig Farming Area - PFA) yang pertama di negara ini di atas tapak seluas 804 ekar di Pasir Puteh di Bahagian Samarahan. PFA ini telah dirancang untuk menampung 250,000 populasi khinzir berdiri dan kesemua 72 ladang penternakan khinzir berlesen di Kuching dan Bahagian Samarahan akan dipindahkan ke PFA. Pusat PFA akan menggunakan sistem pengeluaran berlapis yang mengandungi unit *Grand Parent Stok*, unit Penggandaan Pembiakan dan unit Pengeluaran Khinzir Pedaging. Langkah-langkah biosekuriti termasuk pagar perimeter untuk keseluruhan ladang, pusat biosekuriti, celup dan sembur kenderaan, pusat veterinar dan sebuah blok pentadbiran. Sebuah rumah sembelihan bertaraf EU dengan kapasiti sembelihan 120 ekor khinzir sejam dan kemudahan bilik sejuk juga telah dibina. Kemudahan-kemudahan lain termasuklah loji biogas dan rawatan sisa yang terkini, loji rawatan air mudah alih, pusat jualan, rumah pekerja dan kilang makanan ternakan. Kadar produktiviti di ladang peneraju dalam PFA kini telah meningkat secara mendadak dari 16 hingga 21 anak khinzir bagi setiap khinzir betina setiap tahun. 250,000 SPP di jangka dapat dicapai pada tahun 2018. Pencemaran daripada PFA dijangka sangat sedikit kerana semua najis ladang dirawat di Loji Biogas dan air kumbahan yang terakhir akan dirawat selanjutnya di kawasan sekitar tanah lembab.

3.1.7 Unggas

Daripada penemuan arkeologi, ayam adalah antara haiwan paling awal dijinakkan sejak tahun 2,000 sebelum masihi. Apabila pertanian menjadi lebih terkenal selepas abad ke-14, Ayam Kampung tulen ditenak oleh kebanyakan keluarga dalam bilangan yang kecil.

Besar kemungkinan Ayam Kampung telah dijinakkan daripada ayam hutan liar. Pada zaman dahulu, ayam lebih penting digunakan untuk berlaga daripada untuk dimakan. Ayam ditenak secara semula jadi (secara organik), dibiarkan untuk menjaga diri sendiri dan tidak dipedulikan kecuali diberikan sisa makanan rumah. Mustaffa-Babjee (1994) berpendapat bahawa ayam eksotik mungkin telah diperkenalkan di Negara ini semasa pemerintahan Portugal dan Belanda, menandakan pembiakbakaan ayam tempatan dengan baka Eropah telah berlaku pada abad ke-15 lagi. Pada masa ini, langkah-langkah untuk penambahbaikan ayam tempatan melalui pembiakbakaan telah dimulakan oleh Jabatan Pertanian dalam tahun 1932, melalui penggunaan baka besar seperti Rhode Island Red, Light Sussex, White Wyandottes dan White Leghorns. Di Sabah, White Leghorns dan ayam Rhode Island Red diperkenalkan dalam tahun 1929.

Kawalan penyakit Ranikhet dan penyediaan makanan seimbang dari kilang makanan ternakan yang besar membolehkan pengeluaran ayam secara besar-besaran berkembang pada tahun 1960-an. Dalam tempoh ini juga, Jabatan Perkhidmatan Veterinar melaksanakan program pembiakbakaan ayam secara saintifik. Contohnya, melalui Stesen Penyelidikan dan Pembiakbakaan Ayam di Johor Bahru, "Ayam Baka Johor" tempatan dihasilkan untuk pengeluaran telur. Walau bagaimanapun, program ini ditamatkan apabila baka hibrid komersial superior mula diimport. Stok baka induk ayam penelur yang diimport ke Malaysia termasuklah Golden Comets, Hisex, Isa Brown, Babcock, Tetra, Dekalb, Lohmann Brown, Hyline dan Shaver. Stok induk ayam pedaging yang import pula termasuklah Arbor Acres, Avian, Cobb, Lohmann, Ross, Hybro, Shaver dan Hubbard. Pembiak tempatan telah bertukar haluan untuk mengimport stok *Grand-Parent* dan stok induk bagi memudahkan pengeluaran anak ayam pedaging dan anak ayam penelur hibrid tempatan. Pada masa ini, kebanyakan anak ayam telur komersial dihasilkan di sini. Di Sarawak, penternakan ayam kekal dijalankan secara lepas dan di kawasan belakang rumah hanya untuk sara diri. Selepas bebas daripada penjajahan, penternakan ayam bertukar dari ditenak di kawasan belakang rumah ke ladang komersial berskala besar di Sarawak. Amalan penternakan, makanan ayam yang dirumus baik dan disokong oleh perkhidmatan sokongan veterinar kerajaan telah mengubah perladangan ayam. Hal ini menyebabkan pengurangan import ayam daging hidup dan evolusi sektor ayam komersial. Prestasi ayam daging dan ayam telur diberikan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Prestasi Ayam Daging dan Ayam Telur

Jenis	Parameter	Prestasi
Ayam Daging	Berat badan pada 5 minggu (kg)	2.019
	Purata Hasil Berat Harian (g/d)	57.10
	Kadar Pertukaran Suapan	1.61
	Berat karkas tanpa lemak (kg)	1.43
	Peratus Dressing Percentage (%)	71
Ayam Telur	Umur pada telur pertama (hari)	126 - 130
	Pengeluaran telur (52 minggu)	290
	Berat telur (g)	65
	Kadar Pertukaran Suapan	2.23

Beberapa baka itik dan angsa dianggarkan diperkenalkan oleh pedagang Cina mulai abad ke-5 tetapi kebanyakan haiwan ini telah dibawa masuk apabila pekerja pendatang Cina mula datang pada abad 18. Kebanyakan orang Cina dan sesetengah orang Melayu menternak itik. "Itik jawa" dan "itik nila" merupakan baka popular yang ditenak oleh orang Melayu sementara orang Cina lebih menggemari baka hybrid "Poa Chi". Penternakan itik komersial telah dilaksanakan oleh komuniti Cina dalam tahun 1950-an. Kemajuan pembangunan pembiakbakaan itik adalah perlahan dibandingkan dengan pembiakbakaan ayam. Pada masa ini, baka itik yang digunakan ialah Peking, Muscovy, Aylesbury, Cherry Valley dan kacukan Itik Jawa tempatan. DVS mempunyai kemudahan pembiakbakaan itik Muscovy dan Khaki Campbell di Pusat Ternakan Haiwan Paya Jaras. Daging itik dan telur biasanya dimakan oleh masyarakat Cina, telur itik dimakan terutamanya sebagai telur masin atau telur jeruk.

Dalam tahun 1960-an dan 1970-an, Stesen Penyelidikan dan Pembiakbakaan Ayam di Johor Bahru telah melakukan sedikit kajian ke atas pembiakbakaan dan pengeluaran burung puyuh. Objektif pembiakbakaan ialah untuk pengeluaran telur dan hanya sedikit untuk pengeluaran daging. Pada hujung tahun 1980-an kerja pembiakbakaan ke atas burung puyuh telah dihidupkan semula dan bertujuan untuk pengeluaran daging. Burung puyuh tempatan dan import dinilai dan digunakan sebagai baka asas dalam program pembiakbakaan. Burung puyuh jenis daging dikenali sebagai "Puyuh IKTA", yang membesar dengan cepat dan efisien akhirnya dihasilkan. Kerja pemilihan tertanggung oleh kerana kekurangan kepakaran. Kerja baru akan dilaksanakan pada masa hadapan untuk meluaskan program pembiakbakaan burung puyuh, bertujuan untuk menambahbaik produktiviti. Adalah diharapkan supaya burung puyuh penelur dapat dihasilkan.

3.1.8 Rusa

Penternakan rusa dalam kurungan untuk tujuan konservasi telah dimulakan oleh Jabatan Hidupan Liar dalam tahun 1977 di Sungkai, Perak. Dalam tahun 1980, DVS telah mengimport 34 ekor Rusa Merah (*Cervus elaphus*) dari New Zealand untuk projek perintis di Ijok, Kuala Selangor untuk mengkaji kemungkinan perladangan rusa secara komersial di Semenanjung Malaysia. Projek perintis telah menghasilkan maklumat bernilai dan mencetuskan minat yang mendalam dalam penternakan rusa untuk tujuan rekreasi dan pengeluaran daging. (Babjee, 1994). Dalam tahun 1992, 200 ekor rusa Timorensis (*Cervus timorensis*), 18 ekor Sambar dan 18 ekor Chittal (*Axis-axis*) telah diimport dari Mauritius, Sabah dan Pulau Sulawesi di Indonesia ke Pusat Ternakan Haiwan Behrang Hulu di Perak. Berikutan pembangunan sebuah bandar baru, rusa yang dipilih di Pusat Ternakan Haiwan Behrang Hulu telah dipindahkan ke sebuah ladang rusa khusus yang baru iaitu Pusat Ternakan Haiwan Lenggong di Perak. Pada masa ini, populasi rusa di ladang ini telah meningkat ke 1,298 ekor masing-masing terdiri daripada 1,100 ekor rusa Timorensis, 50 Sambar dan 148 Chital. Di antara tahun 1980 dan 2010, bilangan rusa yang ditenak di Malaysia meningkat dengan signifikannya dari kurang daripada 100 ekor ke lebih daripada 13,000 ekor.

Di Sabah, penternakan rusa telah dimulakan pada tahun 1977 dengan 11 ekor rusa Chital (*Axis axis*) yang dihadiahkan oleh kerajaan Indonesia. Rusa Sambar diperoleh dari penternak tempatan, dan ditenak di Stesen Pembiajukan Haiwan Sebrang, Keningau pada tahun 1978. Pada tahun 1981, projek rusa ditubuhkan di Telupid dengan mengimport rusa Timorensis dari Australia. Tambahan, rusa merah yang diimport dari New Zealand telah mula diperkenalkan pada tahun 1989.

Di Sarawak, ladang Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) di Karabungan, Miri memulakan ladang rusa komersial pada tahun 1993 dengan pembelian awal sebanyak 396 rusa betina dan 31 rusa jantan dari Australia. Pada tahun 1996, 20 ekor rusa jantan lagi dibawa masuk. Di antara tahun 1993 dan 1998, gerompok rusa menunjukkan prestasi yang baik dengan rekod beranak menunjukkan 1,293 ekor rusa telah dilahirkan. Pada tahun 1997, Jabatan Pertanian memperoleh 100 ekor pembiak dari ladang ini dan kini mengekalkan gerompok sebanyak 700 ekor dan menjual 200 ekor setiap tahun kepada pembiak dan pasaran daging.

3.2 Trend Semasa Populasi Ternakan

Ternakan yang diuraikan pada bahagian awal teks ini telah melalui beberapa peringkat perkembangan. Dari populasi yang kecil pada permulaan abad ke-20, bilangan ternakan telah meningkat secara mendadak dalam beberapa dekad. Populasi ternakan utama di Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (2000–2010) ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8. Populasi Ternakan Utama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan

Ternakan	Tahun				
	2006	2007	2008	2009	2010
Lembu	786,201	842,186	851,227	860,491	837,543
Kerbau	128,938	130,775	131,229	127,152	125,175
Kambing	349,427	428,263	477,480	514,233	494,499
Bebiri	116,387	125,988	131,278	136,285	123,349
Rusa	16,033	12,659	14,894	14,612	13,862
Khinzir	2,029,119	2,020,117	1,988,889	1,831,308	1,880,309
Ayam	179,226,276	188,383,841	192,693,703	208,332,522	225,789,624
Itik	8,640,628	8,261,647	7,120,994	7,521,819	7,927,857

- Sumber: Statistik Haiwan Tahunan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

3.3 Pembangunan Infrastruktur Pembiakbakaan

Pada awalnya, ladang kerajaan ditubuhkan berfungsi sebagai stesen pembiakbakaan, untuk mengagihkan bahan genetik dalam bentuk ternakan hidup kepada penternak. Contoh yang baik ialah Institut Veterinar Malaysia (IVM) di Kluang, Johor. Amalan pembiakan di ladang ini melibatkan pengawanan secara semula jadi. Memandangkan permanian beradas banyak kelebihannya negara telah memutuskan untuk menggunakan teknologi ini. Pada masa ini, kerja-kerja permanian beradas telah dijalankan pada skala dan liputan yang terhad.

Keperluan untuk memperhebat pembiakan ternakan secara buatan dengan menggunakan teknologi terkini untuk menghasilkan semen beku telah mula disedari pada tahun 1970-an. Pada mulanya, peranan ini dilakukan oleh Pusat Ternakan Haiwan Kebangsaan (PPHK), di Pantai, Negeri Sembilan, yang kemudiannya dipindahkan ke Pusat Ternakan Haiwan Air Hitam di Johor. Untuk meningkatkan keperluan penambahbaikan genetik dalam negara, kemudahan baru diperlukan. Oleh itu, pada tahun 1989, kompleks Institut Bioteknologi Haiwan Kebangsaan (IBHK) di Jerantut, Pahang akhirnya ditubuhkan untuk aktiviti ini. Selain pengeluaran semen beku, IBHK juga terlibat dengan ovulasi berganda dan program pemindahan embrio (MOET). Institut telah dibuka secara rasminya oleh YB. Menteri Pertanian pada 30 Ogos 1997. Dengan penubuhan IBHK, PPHK ditamatkan dan semua staf dipindahkan ke kompleks IBHK. Baru-baru ini pada tahun 2010, nama Institut telah ditukar kepada Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK). Skop institut telah ditambah dengan memasukkan konservasi dan pembangunan mampan sumber genetik haiwan. MARDI juga terlibat dalam kerja-kerja pembiakbakaan melalui Pusat Embrio Kebangsaan mereka di Kluang, Johor.

Di Sabah, pembiakbakaan tulen Brahman dan Bali dijalankan di Stesen Pembiakan Haiwan di Tawau. Pusat Bioteknologi di Keningau telah ditubuhkan untuk menghasilkan semen beku lembu bagi memenuhi permintaan tempatan.

3.4 Pembangunan Polisi Pembiakbakaan

Pada bulan April 1980 di Port Dickson, di bawah naungan JPH, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Polisi Pembiakbakaan Lembu telah diadakan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pakar-pakar dari Universiti Malaya, Universiti Pertanian Malaysia, MARDI, MAJUTERNAK dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Jawatankuasa ini telah memberi cadangan bagi pembiakbakaan lembu tenusu, lembu pedaging dan kerbau. Seterusnya, Jawatankuasa yang sama telah mengadakan Mesyuarat kedua pada bulan Julai 1986. Jawatankuasa ini memainkan peranan yang penting dalam menangani isu-isu semasa mengenai pembiakbakaan lembu dan kerbau. Penyelesaian yang dicadangkan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya pada masa itu kerana kekurangan sumber yang tidak menyokong dasar secara menyeluruh.

3.5 Cabaran Pembiakbakaan Ternakan

Pada masa ini industri penternakan menghadapi pelbagai cabaran baru. Pertama, Malaysia bersama-sama dengan beberapa Negara membangun yang lain sedang melalui fasa yang dinamakan "Revolusi Ternakan" (*The Livestock Revolution*) (Delgado *et al.*, 1999), di mana permintaan untuk produk ternakan telah meningkat pada kadar yang drastik. Oleh kerana itu, industri penternakan dirasakan tercabar untuk melakukan sesuatu bagi memenuhi permintaan tersebut. Keduanya, dengan globalisasi dan liberasi perdagangan antarabangsa, wujudnya persaingan untuk mendapatkan syer pasaran bagi produk-produk ternakan berkaitan. Kebolehan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti, serta menjadi kompetitif selari dengan negara-negara lain telah membuka peluang baru. Senario ini menjadikan pengeluaran stok pembiakbaka yang berkualiti daripada sistem pembiakbakaan yang berstruktur sedang diberikan keutamaan yang tinggi oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Selaras dengan perkembangan ini, MOA berpendapat adalah perlu supaya dokumen dasar yang lengkap untuk pembiakbakaan ternakan, merangkumi semua komoditi utama termasuklah lembu tenusu, lembu pedaging, kambing pedaging, kambing tenusu bebiri, rusa, ayam itik dan khinzir. Usaha ini juga adalah selari dengan Keutamaan Strategi 3 (Mewujudkan dan mengukuhkan dasar penggunaan mampan kebangsaan) dan Keutamaan Strategi 4 (Mewujudkan strategi dan program pembangunan spesies dan baka kebangsaan) untuk *Food and Agriculture Organization Global Plan of Action for Animal Genetik Resources* (FAO, 2007).

4. AMALAN PEMBIAKBAKAAN SEMASA

Amalan pembiakbakaan semasa telah digariskan untuk ternakan lembu daging, lembu tenusu, kerbau, kambing daging, kambing tenusu, bebiri, khinzir, ayam, itik, burung puyuh dan rusa.

4.1 Lembu Pedaging

Lembu pedaging pada dasarnya ditenak untuk penghasilan daging yang efisien dan ekonomik. Pada tahun 1980, Jawatankuasa Polisi Pembiakbakaan Lembu menetapkan bahawa pembiakbakaan tulen lembu asli Kedah-Kelantan perlu diteruskan untuk pemilihan jangka panjang dan sebagai asas untuk program pembiakbakaan pada masa depan. Pembiakbakaan lembu pedaging juga disarankan untuk pengeluaran daging komersial menggunakan baka eksotik yang diimport seperti Angus dan Hereford. Kedua-dua pengawanan iaitu pengawanan sesama baka (*inter se*) dan pembiakbakaan silang (*criss-cross*) diteruskan dan diamalkan.

Pada masa ini tiada program pembiakbakaan berstruktur yang baik untuk lembu pedaging, yang kini ditenak di bawah 3 jenis sistem pengeluaran:

- Penternakan Tradisional
- Integrasi dengan tanaman
- Fidlot

Di bawah penternakan tradisional, kebanyakan penternak menggunakan pengawanan semula jadi bagi lembu tulen Kedah-Kelantan. Lembu tulen Kedah-Kelantan dan kacukannya juga dikacuk dengan baka-baka lain seperti Brahman, Charolais, Limousin dan Belgium Blue. Kebanyakan penternak di Kelantan dan Terengganu lebih menggemari baka Charolais dan Limousin untuk dikacuk dengan ternakan Kedah-Kelantan mereka. Pembiakbakaan lembu pedaging dengan baka eksotik biasanya dilakukan secara permanian beradas. Ladang-ladang tradisional juga membekalkan ternakan penggemuk kepada kawasan integrasi dan fidlot.

Di bawah integrasi dengan tanaman pokok, tiga jenis gerompok penting boleh dilihat, iaitu baka tulen Kedah-Kelantan, Brahman Tulen, Brahman gred komersial dan kacukan KK-Brahman. Penternak lebih menggemari Kedah-Kelantan atau kacukannya oleh kerana baka ini tahan lasak dan boleh ditenak dengan mudah dengan permasalahan yang minima di bawah tanaman-pokok. Terdapat juga populasi kecil lembu Bali di bawah sistem pengeluaran ini. Pengawanan secara semula jadi diamalkan secara meluas di bawah sistem ini manakala terdapat juga peratusan kecil menggunakan AI dengan semen tempatan atau diimport. Projek intergrasi juga membekalkan ternakan penggemuk yang dikacuk kepada penternak fidlot.

Penternak fidlot memperoleh anak penggemuk terutamanya kacukan Brahman dan Shorthorn yang diimport dari Australia dan kacukan Brahman dari Thailand. Mereka juga mendapat stok anak penggemuk dari ladang tradisional dan integrasi. Aktiviti pembiakan berlaku minimum di sini di mana kedua-dua pengawanan semula jadi dan AI diamalkan.

Kerajaan telah mewujudkan Program Fidlot Kebangsaan. Program ini ialah pendekatan integrasi dengan rantai nilai daging. Di bawah program ini Koperasi Fidlot Kebangsaan (NFC) bertindak sebagai syarikat peneraju dengan Ladang-ladang Satelitnya sebagai penternak kontrak. Bergabung dengan Koperasi Fidlot Kebangsaan adalah syarikat-syarikat yang terlibat dengan pengeluaran makanan ternakan dan fodder, pembekal haiwan, rumah sembelih dan pemeroses daging dan pengeluar baja. Modus operandinya adalah supaya NFC mempunyai ladang pembiak pengganda untuk penghasilan anak penggemuk untuk ladang satelit. Pengawanan secara semula jadi akan menjadi amalan pembiakbakaan utama. Tiada pembiakbakaan dibenarkan di ladang satelit.

4.2 Lembu Tenusu

Sistem pengeluaran tenusu di negara ini boleh diklasifikasikan kepada 2 jenis, iaitu sistem input sederhana atau sistem input tinggi. Adalah dianggarkan 90% ladang menggunakan sistem input sederhana dan bakinya menggunakan sistem input tinggi. Di bawah sistem input sederhana, kebanyakan induk pembiak yang digunakan ialah baka kacukan Sahiwal x Friesian dan baka kacukan Jersey x Friesian. Atas cadangan daripada DVS, penternak juga mengeluarkan progeni 60-75% Friesian dan 25-40% Zebu. Baka MAFRIWAL yang dibangunkan oleh DVS juga digunakan dalam sistem input sederhana ini. Ternakan ini telah disesuaikan dengan persekitaran tropika dan boleh hidup menggunakan sumber makanan tempatan. Sesetengah penternak juga menggunakan baka Jersey tulen.

Di bawah sistem pengeluaran input tinggi, kebanyakan penternak tenusu menggunakan baka tulen Friesian, Jersey dan kacukan Jersey-Friesian sebagai stok pembiak. Stok pembiak ini akan dibiakkan untuk memelihara warisan darah temperatnya. Oleh itu, penternak tenusu ini sangat bergantung kepada bahan genetik yang diimport. Ternakan di bawah sistem pengeluaran input tinggi biasanya mempunyai rumah yang baik, dan dalam sesetengah keadaan, kemudahan kandang tertutup dengan kawalan suhu. Ternakan diberi makanan berkualiti, yang diformulasikan menggunakan bijian import.

Pada amnya, kira-kira 60-70% penternak mengamalkan pengawanan semula jadi sementara bakinya menggunakan AI, berbanding hampir 100% penggunaan AI untuk lembu tenusu di negara-negara membangun.

4.3 Kerbau

Di Malaysia, tidak banyak penekanan diberikan kepada penambahbaikan genetik bagi kerbau. Secara amnya, oleh sebab gerompok Kerbau Paya dan gerompok Kerbau Sungai tidak pernah bercampur, maka kedua-duanya dibiak sebagai baka tulen. Bagi kerbau tenusu, penternak menggunakan kerbau sungai seperti Murrah. DVS mempunyai baka Murrah dan Nili Ravi sebagai kerbau tenusu. Negeri Kedah sekarang sedang membiak Kerbau Paya menggunakan semen beku Kerbau Air Mediterranean daripada Itali di Pulau Langkawi, untuk menghasilkan ternakan baka kacukan yang boleh digunakan untuk susu dan daging.

Demikian juga di Sabah, kerajaan dan ladang swasta juga membiak kerbau. Pada tahun 2004, Ladang Sabahmas di Lahad Datu meneroka projek pembiakan Kerbau Sawah bertujuan untuk menghasilkan lebih banyak kerbau draf untuk menarik kereta tolak di ladang. Kerbau Paya diimport dari Daerah Utara, Australia. Kerajaan Negeri Sabah mempunyai Pusat Penyelidikan dan Pembiakan Kerbau di Telupid. Kerbau Paya dan Murrah serta baka kacukannya diternak di pusat tersebut.

Hampir kesemua kerbau di Malaysia dibiak secara pengawanan semula jadi. Hanya peratusan kecil kerbau dibiak secara AI terutamanya di Taman Kerbau, Pulau Langkawi.

4.4 Kambing Daging

Kambing kebanyakannya dibiak untuk pengeluaran daging (chevon). Di kawasan kampung, pembiakan dijalankan secara semula jadi menggunakan baka kacukan Katjang. DVS melalui IBVK telah memulakan usaha untuk memulihara baka kambing Katjang asli melalui kaedah *in situ* dan *ex situ*. Ladang-ladang pembiakan kambing kerajaan yang lain (GBC) ada menyimpan baka Boer dan Jermasia. Usaha pembiakbakaan tulen yang berterusan menggunakan AI dan pengawanan semula jadi bagi menambahbaik kualiti genetik telah dijalankan. Penternak baka sejak beberapa tahun ini telah mengambil jalan keluar untuk mengimport Boer, Kalahari Red, Australian Feral, dan baka berasaskan Jamnapari untuk pembiakbakaan tulen dan kacukan. Kaedah pembiakan termasuklah pengawanan semula jadi dan AI. Pada masa dahulu terdapat ladang yang menggunakan sistem pembiakbakaan spesifik untuk menghasilkan kacukan terminal bagi pengeluaran daging.

4.5 Kambing Tenusu

Terdapat pasaran nic untuk susu kambing. Baka kambing tenusu yang digunakan ialah Saanen, Alpine, Anglo Nubian, Toggenburg dan Jamnapari, dengan baka Saanen sebagai baka paling popular kerana hasil susunya yang tinggi. Baka Saanen, Alpine, Anglo Nubian dan Toggenburg disimpan di Ladang Infoternak DVS di Sungai Siput, Perak. Penternak kambing tenusu menternak baka Saanen, Alpine, Anglo Nubian, Jamnapari, Shami dan Toggenburg dan kacukan masing-masing. Pengawanan dilakukan terutamanya secara semula jadi, namun beberapa permanian beradas juga diamalkan.

4.6 Bebiri

Bebiri ditenak untuk menghasilkan daging. Di kawasan kampung, biasanya baka Malin dan kacukannya ditenak. Pembiakan adalah semula jadi. Wul yang dihasilkan kurang bernilai bagi industri ini. Baka jenis rerambut seperti Blackbelly Barbados (BBB), Santa Ines dan Morada Nova lebih sesuai untuk pengeluaran daging di Malaysia. Bebiri ini adalah lasak, sangat produktif dan tidak perlu pencukuran. Pusat Ternakan Haiwan kerajaan di Chalok, Terengganu mempunyai BBB dan Morada Nova dan IVM Kluang, Johor mempunyai Santa Ines dan BBB. Sementara itu, bebiri jenis-wul seperti Damara disimpan di Pusat Ternakan Haiwan Gajah Mati di Kedah dan Malin di IBVK Jerantut, Pahang. Pengawanan kebiasaannya adalah secara semula jadi walau bagaimanapun permanian beradas kadangkala diamalkan. Stesen Penyelidikan MARDI di Kluang membiak baka Dorper untuk tujuan penyelidikan. Di peringkat komersial, kebanyakan penternak menggunakan baka kacukan yang menggabungkan campuran 2 atau lebih baka seperti Blackbelly Barbados, Damara, Malin dan Dorper. Penternakan bebiri berskala besar menggunakan baka bebiri kacukan telah dibangunkan di Projek Pertanian Moden di Kluang, Johor dan di Projek Agropolitan dari East-Coast Economic Region (ECER) di Pekan, Pahang.

4.7 Khinzir

Semua stok pembiakbakaan khinzir diimport dari luar Negara. Syarikat pembiakbakaan tempatan menggandakan stok baka tulen yang diimport dan menjualnya kepada ladang-ladang komersial. Pada kebiasaannya, ladang khinzir mempunyai sama ada baka *Large White* atau *Landrace* atau kedua-duanya. Baka-baka ini adalah tulen atau baka kacukan untuk menghasilkan stok penggantian ladang. Untuk mengatasi masalah *inbreeding*, penternak perlu dari masa ke masa membawa masuk bahan genetik tulen Landrace atau Large White ke dalam gerompoknya bagi menghasilkan ternakan untuk dipasarkan (kacukan terminal). Penternak akan melakukan salah satu kacukan berikut di mana Duroc, baka pedaging, akan digunakan sebagai Jantan Terminal.

- i) Duroc ♂ x Large White ♀
- ii) Duroc ♂ x Landrace ♀
- iii) Duroc ♂ x (Large White x Landrace) ♀

Ladang khinzir komersial menyimpan rekod ternakan seperti jenis haiwan, berat lahir, saiz seperinduk, berat cerai susu, bilangan telah cerai susu dan berat dewasa. Sesetengah penternak menggunakan pakej perisian berkomputer seperti PigCHAMP.

Penggunaan permanian beradas (AI) untuk menghasilkan anak khinzir untuk pasaran pada umur 6 bulan juga diamalkan. Kebanyakan ladang komersil (melebihi 5,000 SPP) mengamalkan AI. Ladang-ladang ini mempunyai pejantan khinzir sendiri yang akan menghasilkan semen. Ladang-ladang ini juga mempunyai makmal AI sendiri. Semen beku yang diimport dari AS dan Kanada juga digunakan. Ladang yang lebih kecil yang mengamalkan AI bergantung pada ladang-ladang besar untuk bekalan semen khinzir pejantan mereka. Khidmat AI di ladang-ladang yang lebih kecil diberikan oleh individu perseorangan apabila khidmat mereka diperlukan.

4.8 Ayam

Industri Unggas di Malaysia (merangkumi ayam dan itik) mengamalkan pengimportan germplasma secara berterusan, di mana *grandparent stock* diimport dan diuruskan di bawah sistem bersepadu. Syarikat pembakaan tempatan menggandakan stok pembiak yang diimport dan menggunakannya untuk pengeluaran komersial. Dalam senario antarabangsa, bilangan pembiak adalah terhad dan terdapat persaingan untuk menghasilkan ayam yang paling efisien. Kini, terdapat 4 syarikat yang mempunyai *grandparent stock* ayam pedaging (GPS). Kesemua GPS adalah diimport. Ladang *Parent Stock* (PS) biasanya menggunakan PS yang dihasilkan oleh ladang GPS tempatan. Sesetengah PS juga diimport dan induk kebanyakannya dari Eropah dan Amerika Syarikat. Tiada pembiakan dijalankan disini kecuali kacukan untuk penghasilan PS dan daging komersial. Bagi industri telur, tiada ladang GPS. Hanya ada ladang PS dan semua *grandparent stock* diimport. Tiada program pembiakbakaan tempatan untuk menghasilkan baka tempatan sendiri disebabkan kos yang tinggi dan teknologi yang terlibat.

4.9 Itik

Bagi industri itik, tiada ladang GPS tetapi hanya ladang PS. Semua stok induk (PS) diimport. Tiada kerja pembiakbakaan dilakukan di sini kecuali kacukan untuk menghasilkan itik komersial. Memandangkan kos yang tinggi dan teknologi yang terlibat, tiada program pembiakbakaan tempatan disediakan dalam penghasilan baka tempatan sendiri.

4.10 Burung Puyuh

DVS telah membangunkan baka "Puyuh IKTA" untuk pengeluaran daging puyuh sejak tahun 1996. Kerja pembiakbakaan ke atas puyuh kini dijalankan di Institut Teknologi Unggas (ITU) Masjid Tanah, Melaka. Ini merupakan satu satunya ladang GPS dan hanya menghasilkan "Puyuh IKTA". Terdapat beberapa ladang PS yang menggunakan pelbagai jenis puyuh untuk menghasilkan kacukan di ladang puyuh komersial. Untuk penternak komersial, tiada kerja pemilihan yang sistematik dijalankan untuk puyuh daging dan penelur.

4.11 Rusa

Rusa dipelihara dalam pelbagai situasi berbeza seperti di kawasan tertutup kecil di dalam taman fauna, ladang rusa intensif sehinggalah kepada sistem ekstensif di kawasan pastura dengan kadar stok yang rendah. Rusa ditenak kebanyakannya adalah untuk dagingnya. Tetapi ada juga beberapa ladang yang mengutip dan menjual tanduk dan kulitnya bagi tujuan perubatan. Terdapat juga taman rusa di negara ini yang membiak haiwan liar yang cantik ini untuk tujuan agro-pelancongan. Rusa Tropika tidak mempunyai waktu pembiakan yang nyata. Rusa ini boleh beranak sepanjang tahun. Pembiakan hanya secara semula jadi disebabkan sifatnya yang liar. Di bawah sistem pengawanan terhad, rusa jantan akan dipisahkan dari rusa betina dan disatukan pada musim yang agak panas bagi tujuan pembiakan.

5. ISU DAN CABARAN

5.1 Isu Am dan Cabaran

1. Prestasi pembiakan baka-baka ternakan yang diperkenalkan kurang memberangsangkan.
2. Sumber genetik (kualiti + kuantiti) tempatan yang terhad.
3. Sumber yang terhad bagi pemuliharaan dan penambahbaikan baka ternakan untuk generasi akan datang.
4. Kurang penggunaan baka ternakan asli menyebabkan baka ternakan ini terdedah kepada ancaman/bahaya.
5. Kurang rekod data ternakan kebangsaan dan struktur penambahbaikan genetik.
6. Penyelidikan gunaan yang relevan dengan pembiakbakaan ternakan adalah terhad.
7. Kurang maklumat asas bagi pembiakbakaan dan penambahbaikan ternakan ladang.
8. Kurang perkhidmatan pembiakbakaan ternakan yang efektif.
9. Struktur undang-undang dan keinstitusian yang lemah bagi mengawalselia aktiviti pembiakbakaan ternakan.
10. Kos permulaan yang tinggi bagi memulakan projek pembiakbakaan; Kurang mekanisme kewangan yang bersesuaian.
11. Status sanitasi dan fitosanitasi yang lemah mempengaruhi biosekuriti ladang dan menghalang pertumbuhan eksport untuk hasil pembiakbakaan.
12. Penyakit pembiakan tidak disaring dengan betul / dikenalpasti.
13. Projek pembiakbakaan tidak mengambilkira kesan perubahan cuaca ke atas stok pembiakbakaan dan pengoptimuman penggunaan sumber makanan tempatan.
14. Bilangan pakar tempatan yang terhad bagi teknologi pembiakbakaan.
15. Kadar penyerapan dan penggunaan teknologi yang perlahan (contohnya permanian beradas dan pemindahan embrio).
16. Rangkaian wilayah dan antarabangsa yang terhad.
17. Kurang kesinambungan dalam penyelidikan dan program pembiakbakaan.
18. Ketidakserasian sumber genetik dengan sistem pengeluaran (terutamanya pemakanan).

5.2 Isu dan Cabaran yang Mempengaruhi Kebanyakan Golongan Ternakan						
LEMBU	TENUSU	KERBAU	KAMBING	BEBIRI	UNGGAS	KHINZIR
Populasi pembiakbakaan lembu daging yang rendah	Populasi pembiakbakaan lembu susu rendah	Tiada rancangan pembiakbakaan bagi kerbau – ialah spesies yang terabai	Populasi pembiakbakaan kambing daging rendah	Populasi pembiakbakaan bebiri rendah	Stok pembiakbakaan yang di import bergantung kepada bahan suapan yang mahal, kebanyakannya diimport	Kualiti genetik bagi pembiakbakaan khinzir terhad
Kebergantungan pada baka dan haiwan sembelihan yang diimport secara berterusan	Bergantung pada baka lembu susu yang diimport secara berterusan	Tidak mengambil kesempatan sepenuhnya bagi memasarkan kerbau lembu di kawasan khusus	Bergantung secara berterusan pada baka dan haiwan sembelihan yang di import	Bergantung secara berterusan pada haiwan sembelihan yang di import	Tiada pembiakbakaan secara sistemetik bagi ayam kampung untuk pasaran khusus	Kurang penggunaan semen beku yang diimport bagi mendapat manfaat dari genetik terbaik contohnya; penggunaan baka khinzir yang telah diperbaiki untuk pertumbuhan yang kecil
Pembiakbakaan dan pembiakan yang tidak berstruktur	Projek pembiakbakaan lembu Mafriwal yang berskala kecil dan terhad kepada ladang kerajaan	Harga daging kerbau import dari India yang murah telah menurunkan permintaan untuk daging kerbau tempatan	Pembiakbakaan dan pembiakan tidak berstruktur	Produktiviti pembiakbakaan secara amnya adalah rendah	Pembiakbakaan dan pembiakan itik tidak berstruktur	Stok pembiakbakaan mempunyai regim pemakanan yang sangat bergantung pada suapan mahal yang kebanyakannya diimport
Operasi program pembiakbakaan Brakmas, Charoke dan KK pada skala terhad	Tiada model industri ladang tenusu dan pembiakbakaan yang menguntungkan	Kerbau Murrah mempunyai perkumpulan gen yang sangat terhad	Pencarian untuk germplasma eksotik yang sesuai tidak diberi keutamaan	Terdapat permintaan untuk baka rambut tetapi populasi adalah rendah dan tidak dieksploitasikan	Terdapat permintaan untuk burung Puyuh tetapi kadar pengeluaran adalah rendah	Pemerolehan pembiakbakaan tidak berstruktur
Pencarian untuk germplasma eksotik yang sesuai tidak diberi keutamaan	Pembiakbakaan dan pembiakan tidak berstruktur	Kurang penggunaan teknologi pembiakbakaan terkini	Tiada program pembiakbakaan untuk kambing susu	Pasaran qurban tidak dieksploitasikan sepenuhnya	Kurang penggunaan teknologi pembiakbakaan yang terkini	Ketiadaan ladang pembiakbakaan yang bertauliah
Penguatkuasaan pengawalan dan pengawasan program kesihatan adalah lemah	Produktiviti pembiakbakaan secara amnya adalah lemah		Kurang penggunaan teknologi pembiakbakaan terkini	Pencarian untuk germplasma eksotik yang sesuai tidak diberi keutamaan		Kurang penggunaan teknologi pembiakbakaan yang terkini
Kurang penggunaan teknologi pembiakbakaan yang terkini	Kurang penggunaan teknologi pembiakbakaan yang terkini			Kurang penggunaan teknologi pembiakbakaan yang terkini		

6. RASIONAL

Sektor ternakan Malaysia adalah entiti terpenting yang mempengaruhi status sosio-ekonomi negara dan persekitaran. Oleh itu, adalah sangat mustahak untuk polisi pembiakbakaan ternakan yang lengkap dibangunkan. Sektor ternakan adalah penting terutama kepada:

- Pertumbuhan ekonomi
- Keselamatan makanan
- Warisan biologi kebangsaan
- Pembangunan sosio-ekonomi
- Kesan ke atas persekitaran
- Penyakit-penyakit ternakan

6.1 Pertumbuhan Ekonomi

Sumber Genetik Ternakan Ladang (*Farm Animal Genetic Resources - FAnGR*) termasuklah lembu, kerbau, kambing, bebiri, rusa, ayam, itik dan khinzir. Dalam tahun 2010, terdapat sejumlah 837,543 ekor lembu; 125,175 ekor kerbau; 494,499 ekor kambing; 123,349 ekor bebiri; 13,862 ekor rusa, 1.88 juta ekor khinzir; 225.79 juta ekor ayam dan 7.93 juta ekor itik. Ternakan ini menghasilkan beberapa produk termasuklah daging, susu, telur, kulit atau kulit yang telah dirawat dan produk-produk tambah nilai lain. Sepanjang tahun 2010, nilai pengeluaran ladang sektor ternakan ialah RM11.26 bilion. Ini merupakan sumbangan yang signifikan kepada sektor makanan, iaitu sebanyak 24.7 peratus. Pada tahun 2010 juga, sektor ternakan telah menyumbang 0.84 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (pada harga tetap tahun 2000) dan pendapatan eksport untuk sector ini berjumlah RM1.68 bilion. Seramai 159,335 orang penternak dan pengusaha terlibat di dalam penternakan pada tahun tersebut sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.

6.2 Keselamatan Makanan

Di seluruh Asia, cabaran utama polisi ialah makanan yang tidak selamat. Year 2008 saw a major challenge to the food security status of several developing countries Tahun 2008 dilihat sebagai cabaran yang besar ke atas keselamatan makanan bagi beberapa negara membangun, diburukkan lagi dengan krisis tenaga dunia. Berikutan daripada itu, Malaysia telah memperbaharui komitmennya untuk memperkukuh inisiatif keselamatan makanannya. Memandangkan makanan ialah keperluan asas, negara perlu memastikan pembekalan makanan adalah mencukupi sepanjang masa. Selain tanaman dan ikan, ternakan juga merupakan sumber protein yang penting bagi pemakanan penduduk. Pada tahun 2010, penggunaan daging per kapita (dari lembu dan kerbau) dan daging kambing/bebiri, daging ayam, khinzir, telur dan susu masing-masing adalah 5.75 kg, 0.80kg, 35.86kg, 8.15kg, 301 biji telur dan 48.61 liter. Malaysia mempunyai daging ayam, khinzir dan telur yang mencukupi. Walau bagaimanapun, keperluan sara diri untuk daging lembu, daging kambing/bebiri dan susu masing-masing adalah hanya 28.65%, 10.58% dan 4.88%. Usaha lain perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap sara diri untuk produk makanan ruminan. Pemiakbakaan ternakan berkualiti tinggi dalam bilangan yang mencukupi akan membantu untuk memastikan bahawa makanan berasaskan ternakan dapat dihasilkan secara berterusan untuk memenuhi keperluan makanan yang selamat pada masa kini dan masa depan.

6.3 Warisan Biologi Kebangsaan

Sumber Genetik Ternakan Ladang di Malaysia (*Farm Animal Genetic Resources - FAnGR*) agak pelbagai dengan jumlah yang diketahui iaitu sebanyak 101 baka dan baka kacukan. Baka-baka ini boleh digolongkan kepada baka tempatan yang telah diadaptasi, baka

yang baru diperkenalkan dan baka yang diimport secara berterusan. Baka tempatan yang telah diadaptasikan adalah baka asli atau baka yang telah berada dalam negara ini untuk jangka masa yang cukup lama untuk baka ini diadaptasikan secara genetik kepada satu atau lebih sistem pengeluaran tradisional atau persekitaran. Baka yang baru diimport adalah baka yang diimport selama 5 generasi untuk spesies berkenaan dan diimport untuk masa yang singkat sahaja. Baka yang diimport secara berterusan adalah baka di mana kumpulan gen tempatannya akan ditambah atau diisi semula secara berterusan dari sumber luar negara. Baka-baka tempatan yang telah diadaptasikan di Malaysia/Asia Tenggara dianggap warisan biologi kebangsaan. Baka-baka tempatan FAnGR yang telah diadaptasikan iaitu sebanyak 36 baka termasuklah kerbau Sawah, kambing Katjang, lembu Kedah-Kelantan dan ayam kampung. Baka ini terkenal kerana lasaknya dan telah menunjukkan prestasi yang baik sama ada dalam persekitaran yang mencabar atau biasa. Memandangkan baka ini mempunyai peluang terbaik untuk menyesuaikan kepada perubahan cuaca dan cabaran lain pada masa depan, adalah penting baka ini diurus secara mampan untuk generasi masa depan. Program pembiakbakaan yang spesifik perlu diadakan untuk konservasi dan penambahbaikan haiwan-haiwan ini untuk memastikan pembangunan dan penggunaan yang mampan.

6.4 Pembangunan Sosio-Ekonomi

Ternakan mempunyai kesan yang agak besar ke atas kehidupan manusia, terutamanya kepada penduduk kampung. Aktiviti penternakan boleh menyumbang kepada pembasmian kemiskinan, menambahkan pendapatan dan membolehkan penternak membeli makanan yang lebih berkualiti, mendapatkan pendidikan yang lebih baik untuk anak mereka serta meningkatkan aset fizikal. Ia juga boleh memperbaiki kualiti kehidupan kaum wanita dan meningkatkan penglibatan mereka dalam membuat keputusan dalam rumah tangga. Ternakan mempunyai kegunaan penting dalam budaya tempatan. Contohnya, di dalam budaya Islam, ternakan seperti lembu, kambing dan bebiri digunakan sebagai korban. Agama Cina tradisional pula menggunakan khinzir dan ayam di dalam adat keagamaan mereka. Manakala penganut agama Hindu tidak sahaja memandang lembu dengan hormat tetapi ternakan ini juga tidak akan disembelih. Ternakan telah digunakan oleh pelbagai komuniti sebagai hantaran kahwin. Di Sabah, kerbau digunakan di dalam perlumbaan kerbau tradisional. Haiwan ruminan khususnya telah digunakan dalam pengurusan risiko kerana digunakan sebagai polisi insuran kepada penternak. Apabila penternak mengalami kesusahan atau apabila ada keperluan tertentu (contohnya, menghantar anak menyambung pelajaran), dia akan menggunakan haiwan untuk ditukar menjadi tunai yang diperlukan. Kegunaan lembu dan kerbau sebagai binatang bebanan telah menjadi di Malaysia kurang penting dengan adanya mesin dan jentera moden. Adalah tidak mustahil untuk menilai sepenuhnya manfaat ternakan kepada pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara tetapi manusia akan menanggung kerugian yang banyak tanpa haiwan ini. Memandangkan terdapat pelbagai baka ternakan yang tidak ternilai ini, negara perlulah menyediakan strategi pengurusan yang sewajarnya demi pemuliharaan dan penggunaan baka ternakan ini untuk kegunaan generasi kini dan masa depan.

6.5 Kesan Persekitaran

Sejak kewujudannya, ternakan telah menyumbang secara positif kepada persekitaran. Najis dan hasil buangan ternakan yang diuruskan dengan baik adalah baja terbaik yang membekalkan nutrien seperti nitrogen, potassium dan fosforus kepada tanah. Ternakan juga adalah kenderaan yang baik bagi penyebaran biji benih seperti benih rumput dan boleh menyumbang kepada penyelenggaraan biodiversiti dalam ekosistem. Dalam ladang kelapa sawit (ladang integrasi), lembu yang meragut rumput telah digunakan sebagai pemotong rumput biologi untuk mengawal lalang dan semak. Dalam ladang integrasi juga, lembu digunakan untuk menolong mengurangkan penggunaan baja kimia dan racun. Walaupun lembu boleh memberi kesan positif kepada persekitaran, ternakan ini juga diketahui mengeluarkan sejumlah besar gas rumah hijau, yang mencemarkan persekitaran dan menyumbang kepada pemanasan bumi. (Steinfeld *et al.*, 2006). Langkah-langkah kawalan sedang disediakan bagi mengurangkan kesan negatif ternakan kepada persekitaran. Ini termasuklah menggunakan aditif makanan khas untuk mengurangkan pengeluaran gas metana dan mengumpulkan gas ini sebagai biogas melalui pemprosesan najis daripada ternakan. Pembiakbakaan khas bagi ternakan yang mengandungi jejak karbon rendah boleh menolong mengurangkan kesan negatif haiwan kepada persekitaran dan perubahan cuaca.

6.6 Penyakit Ternakan

Penyakit ternakan menyebabkan kerugian yang besar kepada sektor ternakan. Penyakit seperti Bovine Viral Diarrhoea (BVD), Infectious Bovine Rhinotracheitis (IBR), Brucellosis, Trichomoniasis dan Campylobacteriosis mempunyai kesan yang ketara kepada prestasi pembiakan ternakan. Pada masa lalu, Malaysia menghadapi wabak penyakit zoonotik iaitu Nipah Encephalitis yang telah meninggalkan kesan buruk kepada sektor ternakan, terutamanya industri khinzir. Penyakit Q-fever yang baru sahaja dikesan juga menyebabkan masalah keguguran yang serius kepada ternakan ruminan. Kebergantungan kepada buruh asing mengakibatkan penyakit seperti Tuberculosis telah muncul kembali di Malaysia dan ini telah mengganggu pengeluaran ternakan.

Kesimpulannya, sumber genetik ternakan ladang telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, membantu pencapaian keselamatan makanan, adalah warisan biologi kebangsaan, memudahkan pembangunan sosio-ekonomi dan memberi kesan kepada persekitaran. Dalam melaksanakan “Pertanian Baru”, FAnGR pasti akan menyumbang kepada pebasnian kemiskinan dan membuka peluang yang baru bagi menjana kekayaan. Oleh itu, pembiakbakaan perlu diperincikan sewajarnya dalam dokumen polisi ini.

7. Polisi

Meningkatkan nilai genetik ternakan melalui penggunaan pengetahuan sains dan teknologi, ke arah peningkatan rantai nilai dalam pengeluaran haiwan yang mampan.

8. OBJEKTIF POLISI

- Penambahbaikan genetik terhadap baka-baka ternakan untuk pengeluaran yang mampan.
- Memperkukuhkan penyelidikan dan pembangunan di dalam bidang pembiakbakaan ternakan.
- Mengeluarkan bahan genetik yang berkualiti dalam kuantiti yang mencukupi dan boleh dipasarkan.
- Pemuliharaan dan penggunaan yang mampan terhadap sumber genetik haiwan ladang.
- Meningkatkan perolehan strategik sumber genetik sesuai.
- Menambahbaik keberkesanan strata pembiakan.
- Memaksimumkan penggunaan teknologi dalam pembiakan ternakan.

9. SKOP

Polisi pembiakbakaan ini adalah berkaitan dengan pembiakbakaan haiwan ternakan untuk makanan termasuklah lembu, kerbau, kambing, bebiri, rusa, ayam dan khinzir. Pembiakbakaan hidupan liar, walaupun digunakan dalam pengeluaran makanan, tidak diperuntukkan dalam dokumen ini.

10. PRINSIP-PRINSIP PEMBIAKBAKAAN

Prinsip-prinsip pembiakbakaan yang disediakan ini akan memberi fokus kepada perkara yang berkaitan dengan penambahbaikan genetik haiwan ladang, hak-hak pembiakbakaan, pemuliharaan genetik, rangka kerja undang-undang, pembinaan kapasiti, pembangunan sumber manusia dan R & D. Ini boleh dicapai dalam rangka kerja Amalan Baik Penternakan Haiwan (GAHP) dengan mengambil kira keperluan sanitasi dan fitosanitasi serta isu-isu berkaitan kebajikan haiwan.

Pembiakbakaan sumber genetik haiwan ladang adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:

- i. Pembiakbakaan akan dilakukan berdasarkan kepada asas saintifik yang kukuh bagi penambahbaikan genetik baka ternakan, untuk produktiviti yang unggul, penggunaan sumber yang optimum dan kelestarian alam sekitar;
- ii. Sumber genetik haiwan ladang adalah modal biologi yang boleh terus digunakan untuk menjana pendapatan, peningkatan taraf sosio-ekonomi rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara. Penggunaan sumber secara bijak akan memberi faedah di peringkat tempatan, serantau dan global;

- iii. Sumber genetik haiwan ladang asli diiktiraf sebagai warisan negara dan mesti dipelihara dan digunakan secara mampan untuk generasi masa kini dan akan datang;
- iv. Penggubalan dan pelaksanaan rangka kerja dasar untuk pembiakbakaan, penambahbaikan, pemuliharaan dan penggunaan secara mampan terhadap baka ternakan sewajarnya disediakan dengan mendapat kerjasama rapat daripada semua pihak yang berkepentingan, termasuk penggubal dasar, ahli-ahli sains, penternak, usahawan, pengguna dan orang ramai;
- v. Penternak haruslah terlibat secara langsung di dalam program pembiakan dan penambahbaikan ternakan. Pembentukan masyarakat yang terlibat aktif di dalam aktiviti pembiakbakaan patut digalakkan;
- vi. Industri ternakan perlu berusaha untuk membawa Malaysia ke persada antarabangsa dengan memastikan bahan genetik adalah berkualiti premium dan sesuai untuk eksport dalam bentuk haiwan hidup, air mani beku atau embrio. Penubuhan syarikat pembiakan swasta perlu diusahakan secara aktif;
- vii. Penggunaan teknologi pembiakan berbantu seperti peranakan beradas, pemindahan embrio dan teknologi lain yang efektif dari segi kos boleh digunakan untuk penambahbaikan genetik stok pembiak;
- viii. Rangka kerja perundangan diperkukuhkan untuk memberi kuasa kepada pihak berkuasa yang kompeten, mengawal selia pembiakan ternakan dan untuk melindungi hak-hak pembiak baka haiwan (hak-hak pembaka);
- ix. Memastikan pihak-pihak yang berkepentingan di dalam industri ternakan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang sepatutnya bagi membolehkan mereka melaksana atau menyokong aktiviti pembiakbakaan;
- x. Hal-hal berkenaan sanitasi dan fitosanitasi mesti ditangani dengan baik bagi memastikan perusahaan ternakan berdaya maju dan produk pembiakbakaan ternakan Malaysia dapat dieksport pada masa hadapan;
- xi. Rangkaian dan kerjasama dengan rakan kongsi antarabangsa perlu diteruskan demi kebaikan bersama;
- xii. Kerajaan perlu menyediakan sokongan dan insentif jangka panjang untuk program pembiakbakaan;
- xiii. Mendokumentasikan data pembiakbakaan dengan baik yang boleh diakses dengan mudah dan mesra pengguna seperti dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi;
- xiv. Kerajaan dan sektor swasta hendaklah mewujudkan dan menggalakkan perkongsian pintar bagi memastikan penambahbaikan yang berterusan terhadap program pembiakan untuk mencapai hasil yang dikehendaki.

11. APLIKASI TEKNOLOGI

Perubahan besar dalam pengeluaran ternakan telah berlaku dalam tempoh beberapa dekad yang lalu dengan pengenalan beberapa teknologi baru, contohnya peranakan beradas, pemindahan embrio, dan teknologi pembiakan lain (genomik dan transgenics). Ini

mempercepatkan proses pembiakan dan membolehkan penambahbaikan genetik berlaku dengan lebih efisien. Teknologi pemilihan genetik seperti *Best Linear Unbiased Prediction (BLUP)* dan *Marker Assisted Selection (MAS)* adalah alat yang baik untuk penambahbaikan genetik. Walaubagaimanapun, penggunaannya masih di peringkat awal di Malaysia. Setelah protokol persampelan yang praktikal dan berdaya maju dari segi kewangan dibangunkan bagi spesies-spesies haiwan yang penting di ladang, maka keseluruhan dasar atau platform untuk penambahbaikan serta pemuliharaan sumber genetik ternakan juga akan berubah. Oleh sebab itu, penyelidikan dalam bioteknologi yang terkini perlu dipergiatkan, supaya kaedah penambahbaikan genetik tradisional seperti ujian progeni dan pemilihan baka pejantan atau betina dapat dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu, adalah perlu untuk mengenalpasti isu-isu utama dasar dan pilihan-pilihan yang ada yang boleh menjejaskan kepada akses, pembangunan dan penggunaan bioteknologi baru ini di dalam pengurusan sumber genetik ternakan. Isu-isu dasar ini termasuklah kebolehan untuk mengakses dan mendapatkan pengetahuan dan maklumat yang dijana oleh bioteknologi baru, pengurusan harta intelek, akses dan perkongsian faedah, isu-isu kawal selia, kerjasama antarabangsa, persepsi orang ramai, kebajikan haiwan dan isu-isu etika.

12. PENDEKATAN STRATEGIK PEMBIAKBAKAAN

12.1 Lembu Pedaging

1. Pembiakbakaan tulen lembu baka Kedah-Kelantan diteruskan di Pusat Ternakan Haiwan (PTH) di Tanah Merah Kelantan, Pusat Pembiakan MARDI di Kemaman, Terengganu serta bersama beberapa orang penternak terpilih yang terlibat di dalam program penggandaan.
2. Pembiakan tulen lembu pedaging baka-baka lain adalah seperti berikut:
 - 2.1 Brahman di Stesen Pembiakan Ternakan, Tawau, Sabah
 - 2.2 Brahman di Pusat Ternakan Haiwan Ulu Lepar, Pahang
 - 2.3 Bali di Stesen Pembiakan Ternakan, Tawau, Sabah
 - 2.4 Bali di Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor
 - 2.5 Bali di Ladang FELDA
 - 2.6 Brakmas di MARDI Kluang dan Stesen Pembiakan Muadzam Shah
 - 2.7 KK, Brahman, Bali dan Brakmas baka di ladang-ladang Program Pengganda.
3. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Lembu Baka Kedah-Kelantan dan persatuan-persatuan pembiakbaka lembu pedaging yang lain.
4. Pembiakan silang dengan baka *Bos taurus* atau *Bos indicus* untuk menghasilkan anak kacukan terminal di peringkat komersial.
5. Pembentukan sistem pengrekodan dan pengurusan data berkomputer untuk pemilihan genetik yang efisien bagi kadar pertumbuhan, kecekapan makanan, kesuburan dan ciri-ciri penyesuaian tropika.
6. Pembangunan strata pembiakan yang terdiri daripada peringkat Nukleus, Pengganda dan Komersial.

7. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan lembu pedaging pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.
8. Pembangunan taman pejantan untuk pengumpulan, pembesaran dan pengagihan pejantan pembiak yang berkualiti.
9. Memberi fokus terhadap aplikasi teknologi seperti pernian beradas, pemindahan embrio, dan *sexed semen* ke atas ternakan milik penternak ladang pengganda yang terpilih.
10. Meningkatkan pembiakan lembu pedaging tempatan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan daging lembu atau lembu hidup untuk disembelih dengan menyediakan insentif khas.
11. Melakukan penilaian bioprospek yang agresif dengan sewajarnya sebelum dan selepas bagi menentukan samada baka yang diimport adalah sesuai dan sangat produktif di bawah kondisi iklim Malaysia.
12. Mengadakan konservasi ex-situ untuk baka tulen (Kedah-Kelantan) bagi memastikan penggunaan yang mampan.

12.2 Lembu Tenusu

1. Matlamat utama pembiakbakaan lembu tenusu adalah untuk menghasilkan susu yang berkualiti dan kedua adalah untuk menghasilkan daging lembu.
2. Projek pembiakbakaan lembu tenusu MAFRIWAL akan dipergiatkan semula untuk mengeluarkan stok lembu tenusu pembiak bagi kegunaan penternak tenusu yang mengamalkan sistem pengeluaran berinput sederhana dan tinggi. sederhana dan input yang tinggi sistem pengeluaran tenusu. Gerompok nukleus baka MAFRIWAL diperkukuh dan dipertingkatkan dengan penglibatan ladang tenusu swasta yang terpilih. Program pembiakan kontrak dimulakan dengan melakukan pemilihan kolaborator. Insentif khas akan diberikan kepada rakan kongsi pintar.
3. Menambahbaik lembu tenusu dengan menggunakan baka tenusu temperat (contohnya pembiakan kacukan dengan baka Holstein) sebagai pilihan untuk ladang input yang tinggi.
4. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Lembu Tenusu.
5. Mengadakan pembiakan strategik secara kontrak dengan rakan kongsi tempatan dan antarabangsa untuk menghasilkan lembu kacukan 75% Friesian (25% Zebu) bagi kegunaan pengusaha tenusu tempatan.
6. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan lembu tenusu pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.
7. Pembentukan sistem pengrekodan dan pengurusan data berkomputer untuk pemilihan genetik yang efisien bagi pengeluaran susu, protein susu, lemak susu, kadar pertumbuhan, kecekapan makanan, kesuburan dan ciri-ciri penyesuaian tropika.
8. Memberi fokus terhadap aplikasi teknologi seperti pernian beradas, pemindahan embrio, dan *sexed semen* ke atas ternakan milik penternak ladang pengganda yang terpilih.
9. Perkhidmatan Rekod Tenusu Kebangsaan dan Perkhidmatan Penasihat Pembiakbakaan Tenusu akan diwujudkan bawah Lembaga Tenusu bagi

membolehkan pembiakan terpilih terhadap lembu tenusu dara dan pembiak di lakukan di seluruh negara serta membangunkan taman lembu tenusu dara.

10. Mewujudkan koloni atau kluster tenusu dan kawasan pengeluaran untuk meningkatkan pembangunan industri tenusu supaya pengurusan dan pemasaran yang lebih baik.

12.3 Kerbau

1. Menggalakkan penternak untuk membangunkan penternakan gerompok nukleus untuk kerbau sungai (tenusu) dan kerbau paya (pedaging)
2. Perolehan strategik kerbau tenusu dan semen beku untuk menambahbaik kumpulan gen.
3. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Kerbau.
4. Bekerjasama dengan organisasi tempatan dan antarabangsa berkenaan pembiakbakaan kerbau.
5. Membangunkan teknologi melalui penyelidikan dan pembangunan untuk mengatasi masalah pembiakan dalam kerbau.
6. Cuba melakukan kacukan silang untuk mendapatkan manfaat heterosis dan meningkatkan pengeluaran daging serta susu.
7. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan kerbau pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.
8. Konservasi dan penggunaan mampan dilakukan ke atas kerbau paya tulen.

12.4 Kambing Pedaging

1. Penubuhan Pusat Konservasi Kambing Katjang untuk melaksanakan konservasi dan penambahbaikan secara in situ dan ex situ ke atas kambing katjang.
2. Pembangunan ladang nukleus dan program penambahbaikan genetik (milik kerajaan atau sektor swasta) untuk kambing Boer, Red Kalahari, Jamnapari dan Jermasia.
3. Pembangunan strata pembiakan yang terdiri daripada peringkat Nukleus, Pengganda dan Komersial.
4. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Kambing Pedaging.
5. Pembentukan sistem pengrekodan dan pengurusan data berkomputer untuk pemilihan genetik yang efisien bagi kadar pertumbuhan, kecekapan makanan, kesuburan dan ciri-ciri penyesuaian tropika.
6. Memberi fokus terhadap aplikasi teknologi seperti permainan beradas, pemindahan embrio, dan *sexed semen* ke atas ternakan milik penternak ladang pengganda yang terpilih.
7. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan kambing pedaging pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.
8. Melakukan kajian penyelidikan dan pembangunan terhadap baka kacukan hibrid untuk menghasilkan kambing yang boleh mencapai berat pasaran pada usia yang muda.

9. Mewujudkan Perkhidmatan Rekod Kambing Kebangsaan dan Perkhidmatan Penasihat Pembiakbakaan Kambing di bawah Lembaga Kambing bagi membolehkan pembiakan terpilih dilakukan terhadap pembiakbaka kambing di lakukan di seluruh negara

12.5 Kambing Tenusu

1. Pembangunan ladang nukleus dan program penambahbaikan genetik (milik kerajaan atau sektor swasta) untuk kambing Saanen, Aglo Nubian, Jamnapari dan Alpine.
2. Pembentukan ladang nukleus dan pengganda untuk menghasilkan baka pembiak jantan dan betina bagi kegunaan ladang kambing tenusu komersial. Program pembiakbakaan terpilih di laksanakan di ladang nukleus dan pengganda.
3. Melakukan penilaian bioprospek yang agresif dengan sewajarnya ke atas baka yang diimport sebelum dan selepas bagi menentukan samada baka import tersebut adalah sesuai dan sangat produktif di bawah kondisi iklim Malaysia.
4. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Kambing Tenusu.
5. Pembentukan sistem pengrekodan dan pengurusan data berkomputer untuk pemilihan genetik yang efisien bagi pengeluaran susu, protein susu, lemak susu, kadar pertumbuhan, kecekapan makanan, kesuburan dan ciri-ciri penyesuaian tropika.
6. Memberi fokus terhadap aplikasi teknologi seperti pernian beradas, pemindahan embrio, dan *sexed semen* ke atas ternakan milik penternak ladang pengganda yang terpilih.
7. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan kambing tenusu pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.

12.6 Bebiri

1. Pembiakbakaan tulen bebiri baka Barbados Black Belly (BBB) diteruskan di ladang Pembiakbaka Nukleus BBB Chalok, Terengganu. Kemasukan geoplasma BBB yang baru menerusi pengimportan semen beku BBB yang terpilih.
2. Pembangunan ladang nukleus dan program penambahbaikan genetik (milik kerajaan atau sektor swasta) untuk bebiri Malin, Santa Ines, Dopper dan Damara.
3. Pembangunan strata pembiakan yang terdiri daripada peringkat Nukleus, Pengganda dan Komersial.
4. Pembentukan sistem pengrekodan dan pengurusan data berkomputer untuk pemilihan genetik yang efisien bagi kadar pertumbuhan, kecekapan makanan, kesuburan dan ciri-ciri penyesuaian tropika.
5. Memberi fokus terhadap aplikasi teknologi seperti pernian beradas, pemindahan embrio, dan *sexed semen* ke atas ternakan milik penternak ladang pengganda yang terpilih.
6. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan bebiri pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.

7. Melakukan penilaian bioprospek yang agresif dengan sewajarnya ke atas baka yang diimport sebelum dan selepas bagi menentukan samada baka import tersebut adalah sesuai dan sangat produktif di bawah kondisi iklim Malaysia.
8. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Bebiri.

12.6 Rusa

1. Mengekalkan pembiakbakaan tulin rusa baka Timorensis spp
2. Melakukan penilaian bioprospek yang sewajarnya ke atas baka import sebelum dan selepas bagi menentukan samada baka yang diimport tersebut adalah sesuai dan sangat produktif di bawah kondisi iklim Malaysia.
3. Membangunkan teknologi melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan prestasi pembiakan.
4. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Rusa.
5. Cuba melakukan kacukan silang untuk mendapatkan manfaat heterosis seterusnya meningkatkan pengeluaran daging.

12.8 Khinzir

1. Mengekalkan pengacukan tiga baka bagi menghasilkan kacukan terminal untuk pasaran.
2. Perolehan baka untuk pengacukan silang dari syarikat pembiakan antarabangsa diteruskan. Perolehan baka seperti Large White, Landrace dan Duroc yang mana telah dibuat pemilihan untuk kadar pertumbuhan tisu tanpa lemak (LTGR).
3. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Khinzir.
4. Pembangunan ladang pembiakbaka khinzir untuk baka Large White, Landrace dan Duroc.
5. Penubuhan rangkaian pernian beradas untuk menyebarkan bahan genetik babi yang terbaik.
6. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan bebiri pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.
7. Membangunkan teknologi melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan prestasi pembiakan.

12.9 Ayam

1. Mengekalkan pengimportan berterusan stok pembiakbaka ayam GPS (Grandparent stock) bagi ayam pedaging dan penelur daripada syarikat pembiakbakaan dari luar negara.
2. Pembangunan dan perluasan projek ternakan Ayam Kampung menggunakan baka tempatan sedia ada dan ditenak secara organik di bawah sistem penternakan lepas bebas.

3. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan ayam pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.
4. Konservasi secara *in situ* terhadap pelbagai strain Ayam kampung.
5. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Ayam Kampung.

12.10 Itik

1. Mengekalkan pengimportan berterusan stok pembiakbaka ayam GPS (Grandparent stock) bagi ayam pedaging dan penelur daripada syarikat pembiakbakaan dari luar negara.
2. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan itik pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.
3. Konservasi secara *in situ* terhadap pelbagai strain itik tempatan.
4. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Itik.

12.11 Burung Puyuh

1. Memperkukuh dan meningkatkan projek pembiakbakaan "Puyuh IKTA".
2. Penubuhan projek pembiakbaka burung puyuh penelur.
3. Pembangunan, pendaftaran dan pensijilan burung puyuh pembiak (jantan dan betina) yang berkualiti serta ladang-ladang.
4. Melakukan penilaian bioprospek yang sewajarnya ke atas stok pembiak burung puyuh bagi memastikan baka tersebut adalah sangat produktif dan boleh menyesuaikan diri dengan keadaan ladang tempatan.
5. Penubuhan Persatuan Pembiakbaka Burung Puyuh.
6. Membangunkan teknologi melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan prestasi pembiakan.

13. KESIMPULAN

Peranan pembiakbakaan haiwan di dalam pembangunan Industri Ternakan telah diberi pengiktirafan yang tinggi oleh kerajaan Malaysia. Tidak seperti pelaburan lain, keuntungan yang dijana di dalam pembiakbakaan ternakan, walaupun kecil adalah kumulatif dan kekal selamanya. Kepelbagaian sumber genetik ternakan adalah sangat luas dalam pelbagai aspek dari segi jenis, baka, populasi dan keunikan genotip. Pembiakbakaan haiwan untuk menghasilkan makanan berasaskan haiwan ini perlu sentiasa disokong sama ada dari segi kakitangan yang berkecualan dan terlatih serta baka haiwan yang sesuai. Ini bagi memastikan Malaysia mencapai objektif untuk menghasilkan makanan yang mencukupi kepada rakyat seterusnya memastikan keselamatan makanan negara.

DEFINISI

Pihak Berkuasa Yang Kompeten	Orang perseorangan atau organisasi yang telah diberi kuasa untuk melaksanakan tugas yang telah ditetapkan.
Farm Animal Genetic Resources	FAnGR untuk makanan sahaja
Ladang Pembiakbakaan Nukleus	Ladang yang mempunyai bahan genetik terbaik dari baka yang diberikan, di mana rekod prestasi semua haiwan disimpan dan permanian beradas diamalkan ke atas lebih daripada 60 peratus pembiak baka betina.
Ladang Pengganda	Ladang yang menerima ternakan pembiakbakaan daripada ladang nukleus dan menggandakan ternakan pembiakbakaan ini dengan cepat untuk diedarkan kepada ladang komersial.

SINGKATAN

AI	Permanian Beradas
BLUP	Best Linear Unbiased Prediction (teknik penilaian genetik secara statistik)
CSIRO	<i>The Commonwealth Scientific and Industrial Research Organization</i> (Organisasi Penyelidikan Industri dan Saintifik Komanwel)
DVS	<i>Department of Veterinary Services</i> (Jabatan Perkhidmatan Veterinar)
FAnGR	<i>Farm Animal Genetic Resources</i> (Sumber Genetik Haiwan Ladang)
MAJUTERNAK	Pihak Pembangunan Haiwan Kebangsaan
MARDI	<i>Malaysian Agriculture Research and Development Institute</i> (Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia)
MOA	<i>Ministry of Agriculture and Agro-based Industries</i> (Kementerian Pertanian dan Industri berdasarkan Pertanian)
PTH	Pusat Ternakan Haiwan Kebangsaan
IBVK (IBHK)	Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan , Jerantut, Pahang (dulunya Institut Bioteknologi Haiwan Kebangsaan)
PFA	<i>Pig Farming Area</i> (Kawasan Ladang Khinzir)
SPP	<i>Standing Pig Population</i> (Populasi Khinzir Keseluruhan)

Bibliografi

Bunting B. and Marsh T.D. (1934). The government dairy farm, Serdang. Malayan Agric. J. 22:216-227

Delgado C., Rosegrant M., Stienfeld H., Ehui S. and Courbois C. (1999). Livestock to 2020: the next food revolution. Washington DC. IFPRI/FAO/ILRI.

DVS (1980). Report and recommendations on the policy and system for cattle breeding. Department of Veterinary Services, 1980.

DVS (1986). Minit mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembakaan Lembu kedua. Department of Veterinary Services, 1986.

Epstein H. (1969). Domestic animals of China. Commonwealth Agriculture Bureaux. Farnham Royal, Bucks, United Kindgom. 166pp.

Ernie-Muneerah M.A., Raymond A.K. and Salleh S.I. (2009). *Morphological characteristics of Barbados Blackbelly sheep in Malaysia*. 30th Annual Conference of the Malaysian Society of Animal Production, Kota Kinabalu, Malaysia.

FAO (2007). *Global plan of action for animal genetic resources and the Interlaken declaration*. Commission on Genetic Resources for Food and Agriculture, Food and Agriculture Organization of the United Nations. Rome, 2007. ISBN 978-92-5-105848-0.

Ma Huan (1433). Ying-yai Sheng-lan. The overall survey of the ocean's shores. Translated and edited by J.V.G. Mills. Cambridge University Press for the Hakluyt Society. 1967. Pg. 121.

Main T.W. (1908). *The improvement of the dairy cow in the Malay Peninsular*. Agric. Bull. Straits, FMS Vol. 7 (No. 10), 437-439.

Mustaffa-Babjee A. (1994). *History, development and prospects of the Animal Industry and Veterinary Services in Malaysia*. Department of Veterinary Services Malaysia Publication. ISBN 983-99673-1-2. 953pp.

Steinfeld H., Gerber P., Wassenaar T., Costel V., Rosales M. and de Haan C. (2006). *Livestock's long shadow*. FAO, 2006. ISBN 978-92-5-105571-7. 390pp.

APPENDIX 1. Senarai peserta yang terlibat di dalam bengkel dan mesyuarat bagi menyediakan Polisi Pembiakbakaan Ternakan Malaysia.

BIL	NAMA PESERTA	INSTITUSI
1	DATO' DR QUAZA NIZAMUDDIN B HASSAN NIZAM	BPSTT , DVS
2	DR ABU HASSAN B MOHAMMAD ALI	BPI, DVS
3	ADRIEN KUMAR RAYMOND	BPI, DVS
4	DR SAIFULLIZAM B ABD KADIR	BPSTT, DVS
5	DR ALIFAH BT ISMAIL	BPSTT, DVS
